


RASIONAL MUKA DEPAN ■



Konsep muka depan adalah transformasi hasil cukai kepada pembangunan negara. Paparan gambar notis taksiran cukai (iaitu Borang J) bersama wang ringgit dan syiling melambangkan fungsi dan tanggungjawab utama Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) adalah menaksir dan memungut cukai langsung kepada Kerajaan Persekutuan. Paparan kombinasi gambar di penghujung sebelah kanan melambangkan hasil kutipan cukai digunakan untuk membiayai pembangunan negara melalui perbelanjaan mengurus dan pembangunan sektor ekonomi, sosial, keselamatan dan pentadbiran. Manakala gambar kekunci komputer melambangkan komitmen LHDN mengurus cukai dengan lebih cekap dan berkesan berasaskan kepada teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

KANDUNGAN ■

IKRAR LHDN.....	3
BUDAYA KORPORAT.....	4
Wawasan.....	4
Misi.....	4
Objektif.....	4
Dasar Kualiti.....	4
TADBIR URUS.....	5
Perutusan Pengerusi.....	6
Maklumat Lembaga.....	8
Pengurusan Korporat.....	12
■ Laporan Eksekutif.....	12
■ Pengurusan Eksekutif.....	17
■ Pengurusan Kanan.....	18
■ Carta Organisasi.....	20
■ Tenaga Kerja.....	21
PRESTASI KORPORAT.....	22
Operasi.....	23
■ Pungutan.....	23
■ Pemprosesan Borang dan Dokumen.....	25
■ Banci Bisnes.....	28
■ Audit Cukai.....	28
■ Penyiasatan.....	28
■ Perkhidmatan Pelanggan.....	29
■ Ejen Pemungutan.....	31
Pembangunan Sistem Taksir Sendiri.....	32
Hubungan Antarabangsa.....	34
■ Perjanjian Pengelakan Pencuciaan Dua Kali.....	34
■ Lawatan Delegasi.....	34
■ Persidangan, Seminar dan Mesyuarat.....	36
KE ARAH MENCAPAI BUDAYA KORPORAT.....	37
Pengurusan Cekap dan Berkesan.....	38
Mewujudkan Tenaga Kerja Profesionalisme.....	39
Mempertingkatkan Pematuhan Sukarela.....	42
DIARI KORPORAT.....	44
PERUBAHAN PERUNDANGAN.....	48
PENYATA KEWANGAN.....	51
LAMPIRAN.....	68
DIREKTORI.....	176





IKRAR

Bahawa kami, pegawai-pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia berikrar akan,

- menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami mencapai matlamat organisasi kami;
- memungut jumlah cukai yang sepatutnya mengikut undang-undang negara;
- melahirkan kepercayaan orang awam terhadap keadilan dan keunggulan pentadbiran percukaian;
- mendorong orang awam membayar cukai-cukai sepatutnya secara sukarela.

Dan berazam,

- memberi perkhidmatan yang mesra, membantu dan memuaskan;
- menjalankan tugas-tugas kami dengan cekap, berkualiti dan berkesan;
- mengamalkan sikap-sikap positif, amanah, jujur dan penuh tanggungjawab;
- sentiasa berusaha meningkatkan imej Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

BUDAYA KORPORAT

WAWASAN ■

- LHDN dikenali sebagai pentadbir cukai yang terulung di rantau ini dan merupakan agensi Kerajaan yang terbaik di negara ini;
- Pewujudan suatu sistem pengurusan percukaian yang adil, telus dan dihormati;
- Pengurusan LHDN senantiasa peka kepada kebajikan pekerjaannya, memberi peluang kemajuan kerjaya kepada setiap pekerja dan mengiktiraf kecemerlangan individu;
- Pegawai dan staf LHDN merupakan pekerja yang komited untuk mencapai kecemerlangan dalam menghasilkan kerja yang berkualiti dan memberi perkhidmatan yang cekap kepada pelanggan;
- Orang awam mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap keadilan sistem percukaian negara.

MISI ■

LHDN adalah komited untuk memungut cukai yang sepatutnya dengan adil, cekap dan amanah, pada kos yang berpatutan dan dengan kualiti perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan.

Ini akan dicapai dengan:

- Membangunkan tenaga kerja yang mahir dan meningkatkan profesionalisme secara berterusan untuk menghadapi cabaran dan sekitaran yang senantiasa berubah;
- Memperkemaskan pentadbiran cukai serta mempermudah undang-undang percukaian;
- Memberikan perkhidmatan yang mesra, adil dan tegas sepanjang masa;
- Memupuk kesedaran orang awam ke arah melahirkan pembayar cukai yang bertanggungjawab;
- Mempertingkatkan pematuhan cukai secara sukarela.

OBJEKTIF ■

Objektif Umum

Mewujudkan dan melaksanakan satu sistem pengurusan percukaian yang berkesan, adil dan saksama.

Objektif Operasi

- Memungut jumlah cukai yang sepatutnya tanpa menimbulkan bebanan yang tinggi kepada orang awam dengan kos yang minimum kepada Kerajaan;
- Melahirkan kepercayaan orang awam terhadap keadilan dan keunggulan sistem percukaian masa kini;
- Mendorong orang awam untuk tampil ke hadapan membayar cukai yang sepatutnya secara sukarela.

DASAR KUALITI ■

Kami adalah komited dalam memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan kami secara profesional. Kami akan memastikan pegawai-pegawai kami berkhidmat ke arah kecemerlangan yang maksimum. Berasaskan prinsip ini dan didukung oleh ikrar Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, kami akan menjadikan perkhidmatan berkualiti sebagai cara hidup kami.

TADBIR URUS





PERUTUSAN PENERUSI ■

Prestasi LHDN terus bertambah baik dalam tahun 2002. Pungutan cukai langsung telah terus meningkat sebanyak 6.05% daripada RM41.79 bilion kepada RM44.32 bilion. Peningkatan yang menggalakkan ini adalah hasil gigih LHDN melaksanakan pelbagai langkah bukan sahaja untuk menambah pungutan hasil, juga untuk mengurangkan kebocoran hasil.

Langkah-langkah ini termasuk tindakan tegas terhadap mereka yang mengelak dari pembayaran cukai dan juga mereka yang masih mempunyai tunggakan cukai. Di samping itu, operasi banci bisnes yang dijalankan untuk mengenal pasti pembayar cukai baru dan juga aktiviti audit yang dilaksanakan telah membantu meningkatkan prestasi kutipan hasil. LHDN telah juga menjalankan program pembelajaran bertujuan meningkatkan tahap pematuhan pembayar cukai ke arah membuat laporan secara sukarela dan sempurna mengikut undang-undang dan peraturan.

Tahun 2002 juga merupakan tahun kedua pungutan cukai pendapatan syarikat dilaksanakan di bawah persekitaran Sistem Taksir Sendiri (STS). Prestasi kutipan bagi kategori cukai tersebut amat memberangsangkan. Kerja-kerja membangunkan STS bagi membayar cukai selain daripada syarikat yang akan dilaksanakan

dalam tahun 2004, terus dilaksanakan dengan menitikberatkan kepada usaha mendidik pembayar cukai ke arah melapor, mengira dan membayar sendiri cukai yang patut dikenakan serta membangunkan sistem pengurusan serta prosedur dan proses kerja.

Bagi pihak Lembaga Pengarah LHDN, saya ingin merakamkan penghargaan kepada pengurusan dan warga LHDN di atas usaha gigih, komitmen dan profesionalisme mereka dalam meningkatkan prestasi dan kejayaan dalam tahun ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli LHDN di atas sumbangan khidmat dan bimbingan mereka yang telah membawa LHDN ke tahap kejayaan yang lebih tinggi.



TAN SRI DR. SAMSUDIN BIN HITAM

Pengerusi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



Tan Sri Dr. Samsudin bin Hitam



Tan Sri Jamaluddin
bin Hj. Ahmad Damanhuri



Dato' Salmah
binti Abdul Rahman

MAKLUMAT LEMBAGA ■

Anggota Lembaga



Datuk Siti Hadzar
binti Mohd. Ismail



Datuk Siti Maslamah
binti Osman



Dr. Mohamed Ariff
bin Abdul Kareem



Datin Dr. Umi Kalsum
binti Mohd. Noh

Penubuhan

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) ditubuhkan pada 1 Mac 1996 di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533). Sehubungan dengan itu, Perjanjian Agensi di antara Kerajaan Malaysia dengan LHDN ditandatangani pada 31 Disember 1998. Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 memperuntukkan LHDN bertindak sebagai ejen Kerajaan dan memberi perkhidmatan mengenai perkara yang berkaitan dengan cukai atau hasil lain-lain di bawah semua Akta yang ditadbir oleh LHDN.

Fungsi

Fungsi Lembaga ialah:

Bertindak sebagai ejen Kerajaan dan memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, pentaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, cukai aktiviti perniagaan luar pesisir Labuan, duti setem, duti harta pesaka dan cukai lain-lain.

Menasihati Kerajaan dan bekerjasama dengan Kementerian serta badan berkanun mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan percukaian.

Menyertai mesyuarat, perbincangan dan perjanjian mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan percukaian di dalam atau di luar negara.

Menjadi ejen pemungutan bagi pihak badan peminjaman untuk memungut bayaran balik pinjaman seperti yang termaktub di bawah mana-mana undang-undang badan berkenaan.

Melaksanakan fungsi lain-lain yang diberikan kepada Lembaga oleh mana-mana undang-undang bertulis lain.

Tanggungjawab

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) adalah bertanggungjawab mentadbir undang-undang berikut:

- Akta Cukai Pendapatan 1967;
- Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976;
- Akta Penggalakan Pelaburan 1986;
- Akta Setem 1949;
- Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967; dan
- Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990.

LHDN juga mentadbir semua Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali yang ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia dengan negara luar, dan mematuhi perundangan yang mempunyai kaitan dengan pentadbiran LHDN, iaitu:

- Perlembagaan Persekutuan.
- Akta Syarikat 1965.
- Akta Kebankrapan 1967.
- Akta Mahkamah Kehakiman 1964.
- Akta Tafsiran 1948 dan 1967.
- Akta Prosiding Kerajaan 1956.
- Akta Had Masa 1953.
- Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995.
- Kanun Tanah Negara 1965.
- Kanun Acara Jenayah.
- Kanun Kesusakan.
- Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980.
- Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980.
- Kaedah-kaedah Penggulangan Syarikat 1965.

Di samping itu, LHDN masih lagi mentadbir beberapa perundangan yang telah dimansuhkan bagi menyelesaikan kes-kes kebelakangan, iaitu Enakmen Duti Harta Pesaka 1941 dan Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984.



Alamat Rasmi

Ketua Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri
Tingkat 15, Blok 9
Kompleks Bangunan Kerajaan
Jalan Duta, Peti Surat 11833
50758 Kuala Lumpur.
Telefon : 03-62091000
Faks : 03-62013798
Laman Web: www.hasilnet.org.my

Mesyuarat Anggota Lembaga

Lembaga Hasil Dalam Negeri telah mengadakan empat mesyuarat dalam tahun 2002.



//

Bagi tahun 2002, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) telah mencatat kutipan hasil berjumlah RM44,324 juta berbanding RM41,794 juta yang dicatat pada tahun 2001. Peningkatan kutipan ini adalah hasil daripada dasar Kerajaan yang direalisasikan oleh LHDN melalui program pungutan, penaksiran, penguatkuasaan dan perkhidmatan pelanggan.

//

PENGURUSAN KORPORAT ■

Laporan Eksekutif


Bagi tahun 2002, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) telah mencatat kutipan hasil berjumlah RM44,324 juta berbanding RM41,794 juta yang dicatat pada tahun 2001. Peningkatan kutipan ini adalah hasil daripada dasar Kerajaan yang direalisasikan oleh LHDN melalui program pungutan, penaksiran, penguatkuasaan dan perkhidmatan pelanggan. Empat program utama ini bukan sahaja dilaksanakan bertujuan meningkatkan pungutan cukai dalam jangka pendek tetapi juga dapat meningkatkan prestasi pungutan dalam jangka masa panjang melalui pematuhan undang-undang dan peraturan secara sukarela di kalangan pembayar cukai.

Mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan pungutan dan taksiran cukai

Kutipan cukai bagi tahun 2002 telah mencatat peningkatan 6.05% daripada tahun 2001. Cukai pendapatan yang dipungut dari syarikat yang mewakili 61.78% daripada keseluruhan kutipan adalah bertambah sebanyak 26.88% daripada tahun 2001. Pencapaian kutipan yang baik ini adalah sumbangan daripada pelaksanaan Sistem Taksir Sendiri (STS) yang memberi tanggungjawab kepada pembayar cukai mengatur sendiri pembayaran cukai mengikut prestasi syarikat. Kutipan daripada cukai keuntungan harta tanah dan duti setem juga mengalami peningkatan sebanyak 50.53% dan 7.54% masing-masing berbanding tahun 2001. Walau bagaimanapun komponen cukai pendapatan yang dipungut dari individu, aktiviti huluan petroleum dan perniagaan pesisir luar Labuan serta duti harta pesaka telah menurun sebanyak 15.36%, 22.54%, 7.15% dan 42.91% masing-masing.

Sepanjang tahun 2002, LHDN terus melaksanakan program pungutan melalui skim pemungutan yang ditetapkan oleh undang-undang di samping mempertingkatkan keberkesanan pengurusan akaun belum terima dalam usaha mengurangkan tunggakan hasil yang wujud akibat daripada kegagalan pembayar cukai menjelaskan cukai dalam tempoh yang ditetapkan. Antara lain, LHDN telah mengambil tindakan mahkamah dengan mengeluarkan 3,979 saman yang meliputi amaun tuntutan cukai tertunggak RM1,042 juta.

SUMBANGAN CUKAI LANGSUNG KEPADA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN



Dalam tahun 2002, LHDN telah mengeluarkan 3.38 juta borang cukai pendapatan kepada pembayar cukai syarikat, individu, koperasi, amanah, kelab dan persatuan. Daripada jumlah tersebut, sehingga Disember 2002, LHDN telah menerima balik 2.16 juta daripada pembayar cukai, iaitu meningkat sebanyak 13.81% berbanding tahun sebelumnya. Kegagalan pembayar cukai menghantar borang cukai terus ditangani dengan;

- mengadakan perkongsian maklumat dengan agensi Kerajaan lain-lain,
- membuat pengesanan melalui operasi banci bisnes, dan
- meneruskan tindakan penguatkuasaan yang ditetapkan oleh undang-undang.

Dalam program penaksiran pula, LHDN telah membangkitkan taksiran cukai pendapatan (sama ada melalui taksiran formal atau taksiran sendiri), cukai keuntungan harta tanah, cukai aktiviti perniagaan luar pesisir Labuan, duti setem dan duti harta pesaka

“Kutipan cukai bagi tahun 2002 telah mencatat peningkatan 6.05% daripada tahun 2001. Cukai pendapatan yang dipungut dari syarikat yang mewakili 61.78% daripada keseluruhan kutipan adalah bertambah sebanyak 26.88% daripada tahun 2001. ”

berjumlah RM35,278 juta, iaitu peningkatan sebanyak 26.73% daripada prestasi taksiran tahun sebelumnya. Prestasi taksiran ini adalah meliputi juga amaun cukai yang dibangkitkan pada masa menjalankan aktiviti audit luar dan penyiasatan yang masing-masing telah menyumbang RM77.03 juta dan RM386.80 juta.



Kecekapan dalam pengurusan cukai secara keseluruhan adalah 1.23% berbanding 0.86% tahun 2001, iaitu di mana LHDN telah membelanjakan RM1.23 untuk memungut setiap RM100.00 cukai. Peningkatan dalam kos pengurusan organisasi ini adalah ekoran daripada kenaikan kos kakitangan sebanyak 56.81% yang terbit daripada pelarasan gaji dan elaun kakitangan bagi tahun-tahun lepas. Dasar pengurusan berhemat terus diamalkan di samping meningkatkan program pembelajaran STS kepada masyarakat cukai dan pengambilan pegawai baru bagi menampung keperluan sumber manusia.

Perkhidmatan "Mesra, Membantu, Memuaskan" yang berterusan

LHDN telah melaksanakan beberapa inisiatif sepanjang tahun ini yang bertujuan memperluaskan asas percukaian di samping memperbaiki perkhidmatan untuk mempertingkatkan kutipan hasil.

Mempertingkatkan kemudahan serahan borang

Penyerahan borang cukai pada saat akhir sudah menjadi lumrah warga kota akibat kesibukan kerja harian. LHDN sentiasa prihatin berhubung perkara ini dan mengambil beberapa inisiatif bagi memudahkan pembayar cukai mengemukakan borang mereka sebelum tarikh akhir penyerahan. LHDN dengan kerjasama Pos Malaysia telah menyediakan peti khas di pejabat pos dan pusat membeli-belah di seluruh negara bagi tujuan penyerahan borang oleh pembayar cukai. Di samping itu, LHDN juga melanjutkan tempoh penyerahan borang selama seminggu daripada tarikh akhir pengemukakan borang cukai. Kadar pematuan pengembalian borang cukai dalam tahun 2002 adalah 63.90%.





Meningkatkan kesedaran terhadap taksiran sendiri

Bagi meningkatkan tahap pematuhan cukai secara sukarela yang amat diperlukan dalam menjayakan Sistem Taksir Sendiri (STS), LHDN melancarkan program pembelajaran yang dituju khas kepada pembayar cukai individu. Fokus program pembelajaran adalah kepada kumpulan pembayar cukai yang makan gaji dan yang menjalankan perniagaan tunggal. Sepanjang tahun 2002, LHDN telah mengadakan 476 ceramah dan taklimat yang melibatkan penyertaan 30,442 pembayar cukai, ejen cukai dan orang awam di seluruh negara.

Mempertingkatkan minat terhadap percukaian

Peningkatan tahap pematuhan undang-undang secara sukarela di kalangan masyarakat cukai yang berterusan untuk jangka panjang bukan sahaja dapat meningkatkan kutipan hasil Kerajaan tetapi juga dapat mengurangkan kos pematuhan yang ditanggung oleh pembayar cukai di masa hadapan. Selaras dengan itu, dalam usaha meningkatkan kesedaran dan minat terhadap percukaian di kalangan generasi muda, LHDN telah mengadakan Pertandingan Mengarang Esei Antara Sekolah 2002 dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Berita Harian. Sejumlah 251 esei telah diterima daripada berbagai peringkat persekolahan yang meliputi sekolah rendah dan sekolah menengah. Tajuk esei yang dipertandingkan adalah mengenai tanggungjawab membayar cukai dan pentingnya cukai untuk pembangunan negara.

Pertandingan yang serupa akan diteruskan di masa-masa hadapan untuk meningkatkan lagi kesedaran dan minat positif terhadap percukaian di kalangan bakal pembayar cukai.



LHDN sedar bahawa pihak media memainkan peranan penting bagi memastikan maklumat yang disalurkan kepada orang awam adalah tepat dan betul. Dengan itu, kursus dan taklimat telah diadakan untuk wakil media cetak dan elektronik bagi menerangkan tentang STS bagi pembayar cukai bukan syarikat yang akan bermula tahun 2004 serta kemudahan perkhidmatan yang disediakan oleh LHDN.

Menggalakkan persefahaman dan mengembangkan pengalaman di peringkat antarabangsa

Sebagai pentadbir cukai langsung negara, LHDN aktif menyertai persidangan persatuan percukaian peringkat antarabangsa seperti SGATAR*, CATA* dan IOTA*. Malaysia diberi mandat mewakili SGATAR ke persidangan "The Co-Sponsors of the Montreal Conference" di Quebec City, Kanada yang bertujuan bertukar-tukar maklumat dan pandangan berkaitan dengan perkembangan ekonomi dan percukaian.



“Dengan kesungguhan dan iltizam penuh seluruh pegawai, saya yakin LHDN akan dapat mengekalkan prestasi cemerlang di masa hadapan. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga LHDN yang telah melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi dan profesional. ”

Pegawai LHDN sentiasa diberi latihan yang berterusan sama ada di dalam atau di luar negara. Seramai 24 orang pegawai telah menghadiri kursus antarabangsa yang dianjurkan oleh OECD*, CATA* dan Inland Revenue Department, Hong Kong. Di samping itu, LHDN juga menganjurkan kursus antarabangsa dengan kerjasama Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) yang bertujuan:

- mendedahkan konsep idea dan teknik pengurusan per-cukaian moden;
- membolehkan pertukaran fikiran dan pengetahuan;
- mewujudkan rangkaian perhubungan dan persahabatan di antara peserta daripada kalangan negara yang menyertai kursus;
- meningkatkan imej LHDN khususnya dan Malaysia amnya di persada antarabangsa.

Masa hadapan


STS bagi kumpulan pembayar cukai individu, koperasi, amanah, kelab dan persatuan akan dilaksanakan dalam tahun 2004. Pada masa sekarang proses penggubalan undang-undang dan peraturan cukai, pembentukan sistem dan proses kerja, pembangunan infrastruktur sistem pengkomputeran, serta program pembelajaran dan kesedaran STS sedang giat dijalankan dan akan berterusan sehingga STS dilaksanakan dan mencapai kestabilan dalam sistem dan pemprosesan. Adalah menjadi fokus LHDN:

- melaksanakan aktiviti pembelajaran dan kesedaran STS yang akan memberi pengetahuan dalam penyimpanan rekod, penyediaan penyata akaun, dan pengiraan sendiri cukai pendapatan dengan betul, serta memberi kesedaran tentang hak dan tanggungjawab sebagai pembayar cukai;
- menyediakan peraturan, sistem, prosedur dan proses kerja yang telus dan tidak membebankan pembayar cukai di samping dapat mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan keseluruhan pengurusan cukai.

Sekalung penghargaan

Dengan kesungguhan dan iltizam penuh seluruh pegawai, saya yakin LHDN akan dapat mengekalkan prestasi cemerlang di masa hadapan. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga LHDN yang telah melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi dan profesional. Tidak ketinggalan juga, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada anggota Lembaga di atas nasihat dan bimbingan

mereka. Saya juga merakamkan penghargaan kepada Kementerian Kewangan dan Unit Perancangan Ekonomi atas sokongan yang diberikan sepanjang tahun. Kepada pembayar cukai yang menyumbang kepada pembangunan negara, warga hasil ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan dan berharap jalinan mesra yang telah terbentuk akan diteruskan. Saya yakin LHDN akan dapat meneruskan perkhidmatan yang mesra, sentiasa bersedia membantu dan memenuhi keperluan dan tanggungjawab anda sekalian.



DATO' ZAINOL ABIDIN BIN ABD. RASHID

Ketua Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia

*Nota:

SGATAR - Study Group on Asian Tax Administration and Research
CATA - Commonwealth Association of Tax Administrators

IOTA - Intra-European Organisation of Tax Administrations
OECD - Organisation for Economic Co-operation and Development

Pengurusan Eksekutif



Dato' Zainol Abidin bin Abd. Rashid
Ketua Eksekutif / Ketua Pengarah
Hasil Dalam Negeri



Dato' Hj. Abu Hassan bin Hj. Md. Akhir
Timbalan Ketua Pengarah
Pembangunan



Mohd Saian bin Hj. Ridzuan
Timbalan Ketua Pengarah
Operasi dan Teknologi Maklumat



Hasmah binti Abdullah
Timbalan Ketua Pengarah
Pematuhan dan Pencegahan



1

Che Omar bin A. Rahaman
Pengarah Bahagian Audit Cukai

2

Dr. Mohd. Shukor bin Hj. Mahfar
Pengarah Bahagian Operasi

3

Ab. Rahim bin Abdullah
Pengarah Bahagian Khidmat Korporat

4

Mohd. Zaid bin Ismail
Pengarah Bahagian Cukai Antarabangsa

5

Nik Esah binti Nik Mahmood
Pengarah Bahagian Teknikal

6

Lim Gaik Hwa
Pengarah Bahagian Kualiti dan Audit Dalam

7

Salmah binti Kasim
Pengarah Bahagian Undang-Undang

8

Dr. Siti Mariam binti Che Ayub
Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan

Pengurusan Kanan



9

Zakaria bin A. Samad
Pengarah Bahagian Kewangan

10

Ir. Syed Mohd. Hamdan bin Syed Harman
Pengarah Bahagian Pengurusan Harta

11

Ng Yew Hoon
Pengarah Bahagian Penyasatan dan Perisikan

12

Mohd. Azmi bin Wan Ab. Rahman
Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat

13

Tengku Kamarulzaman bin Tengku Ahmad
Pengarah Akademi Percukaian Negara

14

Wan Noorsiah binti Wan Abdullah
Pengarah Bahagian Khas Pematuhan dan Pencegahan

15

Noorhayati binti Ismail
Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia


16

Siti Normah binti Hj. Mohd. Baki
Pengarah Bahagian Perancangan Sumber Manusia dan Pembangunan Organisasi

17

Zaharah binti Mokhtar
Pengarah Bahagian Bekalan dan Perkhidmatan Am


Carta Organisasi




Tenaga Kerja

Sehingga akhir tahun 2002, organisasi LHDN beroperasi dengan bantuan 7,068 tenaga kerja (6,830 pegawai tetap dan 238 pegawai sambilan) yang ditempatkan di Ibu Pejabat, Cawangan dan Pusat di seluruh negara, iaitu penambahan sebanyak 7.79% daripada tahun lepas. Daripada jumlah tersebut, 64.47% bertugas di 38 cawangan dan 15 pusat di seluruh negara yang terlibat dalam aktiviti operasi iaitu penaksiran, pengauditan, penyiasatan, pungutan, penguatkuasaan, perkhidmatan pelanggan dan pengesanan. Manakala yang selebihnya melaksanakan kerja-kerja pengurusan dan dasar di Ibu Pejabat.

TENAGA KERJA MENGIKUT KELAYAKAN AKADEMIK



Dalam tahun 2002, sebanyak 686 jawatan tambahan dari pelbagai gred dan kategori telah diwujudkan. Seramai 74 pegawai (6 mengisi kekosongan dan 68 pertambahan jawatan) dari pelbagai gred dan kategori telah dinaikkan pangkat, dan 57 pegawai telah bersara, berhenti kerja atau letak jawatan. Lanjutan daripada itu, LHDN telah mengambil 364 orang pegawai baru bagi mengisi jawatan tambahan dan jawatan yang dikosongkan oleh kenaikan pangkat, persaraan dan perletakan jawatan.



TENAGA KERJA MENGIKUT AKTIVITI						
Kategori Perjawatan	Pengurusan dan Dasar	Operasi	Perundangan	Teknologi Maklumat	Pentadbiran	Jumlah
Kumpulan Eksekutif	116	1,641	27	51	53	1,888
Kumpulan Penolong Eksekutif	7	197	6	39	24	273
Kumpulan Bukan Eksekutif	119	1,571	75	551	2,353	4,669
Jumlah	242	3,409	108	641	2,430	6,830

PRESTASI KORPORAT





OPERASI ■

Pungutan

Hasil kutipan cukai langsung dalam tahun 2002 telah meningkat sebanyak 6.05% kepada RM44,324 juta berbanding dengan RM41,794 juta pada tahun 2001. Jumlah ini berkurangan 3.90% daripada jumlah anggaran disemak bagi tahun tersebut iaitu RM46,125 juta. Ini bermakna 53.07% daripada Hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2002 adalah sumbangan daripada cukai langsung yang dipungut oleh LHDN. Penyumbang utama ialah cukai pendapatan syarikat iaitu 61.78% daripada jumlah keseluruhan kutipan, kemudian diikuti oleh cukai pendapatan individu, cukai pendapatan daripada aktiviti huluan petroleum, dan duti setem.

Cukai pendapatan adalah dipungut melalui:


- skim 'bayar bila terima' yang dikenali Pembayaran Cukai Berjadual (PCB),
- skim bayaran ansuran anggaran,
- pengeluaran notis taksiran,



- penaksiran sendiri (STS),
- pegangan, iaitu sama ada *final tax* atau pegangan sementara menunggu penyata taksiran cukai dikeluarkan, dan
- aktiviti pengurusan hutang.

Pembayar cukai syarikat membuat bayaran melalui skim bayaran ansuran yang berasaskan kepada anggaran cukai, kemudian menjelaskan baki cukai atau memohon bayaran balik apabila mengemukakan Borang Cukai Pendapatan (BCP). Pembayar cukai individu penggajian pula membuat bayaran cukai melalui potongan gaji oleh majikan melalui skim PCB kemudian menjelaskan baki cukai atau memohon bayaran balik apabila mengemukakan BCP. Begitu juga dengan pembayar cukai lain-lain, mereka membayar cukai melalui skim bayaran ansuran yang berasaskan kepada anggaran cukai kemudian menjelaskan baki cukai atau memohon bayaran balik apabila mengemukakan BCP. Hampir 90% daripada jumlah kutipan cukai pendapatan (termasuk petroleum) adalah dipungut melalui skim bayaran ansuran dan PCB.


Cukai yang dikenakan pegangan selain daripada pendapatan penggajian adalah cukai atas bayaran dividen, faedah atau royalti kepada pemastautin (seksyen 109, 109C dan 110); dan bayaran perkhidmatan, kontrak, royalti, gaji dan yuran kepada tidak pemastautin (seksyen 107A, 109, 109A dan 109B). Kira-kira 2.39% daripada jumlah kutipan cukai pendapatan (termasuk petroleum) adalah dipungut melalui skim bayaran pegangan.




Sepanjang tahun 2002, LHDN telah membuat bayaran balik cukai berjumlah RM1,653.43 juta kepada 77,014 pembayar cukai kerana terlebih bayar (ansuran atau PCB) atau kredit cukai.

Majoriti daripada pembayar cukai membayar cukai dalam tempoh yang ditetapkan sama ada melalui:

HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN 2002



KOMPONEN CUKAI LANGSUNG 2002



- bayaran ansuran,
- remitan oleh majikan (PCB) atau pembayar,
- bayaran apabila mengemukakan BCP, atau
- bayaran sekaligus apabila menerima notis taksiran.

Kegagalan membuat bayaran cukai pendapatan dalam tempoh yang ditetapkan akan dikenakan denda 10% jika gagal membuat bayaran dalam tempoh 30 hari dan ditambah 5% lagi jika gagal membuat bayaran dalam tempoh 60 hari. Tindakan sekatan ke luar negara atau pendakwaan akan diambil ke atas pembayar cukai yang gagal menjelaskan cukai selepas tempoh 60 hari. Pada tahun ini 3,979 saman telah difailkan yang melibatkan jumlah cukai belum bayar sebanyak RM1,042,191,070. Manakala bilangan individu yang dihalang ke luar negara ialah 7,857 orang yang melibatkan cukai belum bayar sebanyak RM 436,671,030.

Pemprosesan Borang dan Dokumen

Dalam tahun 2002, LHDN telah menghantar 3.48 juta borang cukai kepada pembayar cukai yang meliputi taksiran cukai pendapatan, cukai keuntungan harta tanah dan cukai aktiviti perniagaan luar pesisir Labuan untuk tahun taksiran 2001 dan tahun-tahun sebelum. Pembayar cukai syarikat mengemukakan BCP bagi tahun taksiran 2001 adalah dalam tempoh lapan bulan dari tarikh perakaunan ditutup (iaitu diberi lanjutan masa secara


PENGELUARAN, PENERIMAAN DAN PENAKSIRAN BCP 2002			
Jenis BCP	Keluar	Terima	Penaksiran***
Syarikat*	172,403	173,649	82,125
Individu:			
Perniagaan	999,120	684,210	549,291
Penggajian	2,078,804	1,217,985	1,201,822
Perkongsian	116,776	76,482	56,789
Lain-lain**	12,656	7,270	5,183
Jumlah	3,379,759	2,159,596	1,895,210

Nota:

* termasuk koperasi dan aktiviti huluan petroleum.

** BCP untuk amanah, kelab, persatuan dan keluarga sekutu Hindu

*** termasuk kena cukai, bayaran balik dan tidak kena cukai melalui taksiran formal dan anggap taksir.



automatik selama 2 bulan). Manakala pembayar cukai lain-lain mengemukakan BCP 2001 pada atau sebelum 31 Mei 2002. Sehingga Disember 2002, 63.90% daripada BCP bagi tahun taksiran 2001 yang dikeluarkan telah dikembalikan oleh pembayar cukai. Jumlah ini telah menurun sebanyak 2.61% berbanding tahun 2001.

Bagi cukai keuntungan harta tanah, LHDN menerima sebanyak 162,446 borang pelupusan (Borang CKHT 1) yang diisi oleh pelupus atau pemindah milik harta tanah atau syer syarikat harta tanah.

Pembayar cukai yang gagal mengemukakan BCP dalam tempoh yang ditetapkan akan dikenakan tindakan undang-undang setelah proses perkhidmatan dan peringatan tidak memberi sebarang kesan positif. Dalam tahun 2002, sebanyak 18,949 kes / pembayar cukai telah dikenakan kompaun oleh LHDN atas kegagalan mengemukakan BCP yang berjumlah RM5,597,284. Di samping itu sebanyak 3,851 kes / pembayar cukai telah dikenakan denda oleh Mahkamah yang berjumlah RM1,053,095 di atas kesalahan yang sama.

PENAKSIRAN DAN PUNGUTAN DUTI SETEM				
Jenis Dokumen	2001		2002	
	Bilangan	Amaun Duti (RM)	Bilangan	Amaun Duti (RM)
Pindah milik harta tanah dan syer	388,712	723,098,844	389,690	797,134,300
Pajakan dan sewaan harta tanah	273,211	27,401,962	283,907	26,431,719
Sekuriti pajakan peralatan dan lain-lain	2,512,946	397,960,333	2,342,661	394,063,399
Memorandum Persatuan Syarikat	72,888	5,621,060	72,934	6,088,491
Dokumen lain / Fi taksiran / Duti kompaun / Franker pos	6,582,096	420,405,061	6,686,584	462,390,226
Dokumen yang dikenakan penalti	80,347	8,650,149	92,513	8,253,720
Jumlah	9,910,200	1,583,137,409*	9,868,289	1,694,361,855*

* Tidak termasuk duti yang dipungut oleh Pejabat Daerah sebanyak RM27,572,948 (2001 - RM30,545,533).


PENAKSIRAN DAN PUNGUTAN CUKAI PENDAPATAN		
	2001	2002
Bilangan Taksiran*	2,227,920	2,479,893
Amaun bersih taksiran	RM25,828,510,783	RM33,103,415,125
Jumlah besar pungutan	RM39,905,372,188	RM42,197,507,634
Tolak: Pembayaran balik	RM1,531,624,466	RM1,642,608,290
Jumlah bersih pungutan	RM38,373,747,722	RM40,554,899,344

* Termasuk taksiran ke atas isteri.

Duti setem dikenakan ke atas instrumen, dokumen atau surat cara yang disetamkan bagi memberi kesan kepada perjanjian, kontrak atau urus niaga (pindah milik, pajakan atau sewaan) harta tetap atau harta berubah. Dalam tahun 2002, LHDN menerima 9,868,289 dokumen / instrumen / surat cara berbagai jenis / komposisi untuk disetamkan berbanding dengan 9,910,200 dokumen yang diterima untuk disetamkan dalam tahun 2001.

Penaksiran

Sehingga akhir tahun 2002, LHDN telah berjaya menaksir 87.75% daripada jumlah BCP yang diterima secara taksiran formal dan taksiran anggapan (*deemed assess*) yang melibatkan cukai pendapatan bernilai RM33,103,415,125 berbanding 83.85% yang melibatkan cukai pendapatan bernilai RM25,828,510,783 pada tahun sebelumnya. Manakala amaun yang ditaksir bagi cukai aktiviti perniagaan luar pesisir Labuan dan duti harta pesaka masing-masing adalah RM11,713,067 dan RM1,128,135. Amaun cukai atau duti yang ditaksir ini adalah termasuk cukai atau duti yang dibangkitkan daripada aktiviti audit dan penyiasatan.



Cukai keuntungan harta tanah dikenakan ke atas pelupus yang mendapat keuntungan daripada pelupusan atau pindah milik harta tanah atau syer syarikat harta tanah. Dalam tahun 2002, sebanyak 132,950 notis taksiran cukai telah dikeluarkan yang bernilai RM467,214,943 berbanding RM409,859,102 yang ditaksir dalam tahun 2001, iaitu meningkat sebanyak 13.99%.

Duti setem yang dikenakan ke atas instrumen, dokumen atau surat cara yang dikemukakan untuk disetamkan ialah berjumlah RM1,721,934,803 berbanding RM1,613,682,942 tahun sebelumnya. Daripada jumlah tersebut, duti setem yang dikenakan melalui setem hasil (disetem / ditaksir) adalah berjumlah RM47,912,132 berbanding dengan setem hasil yang dijual (dipungut) dalam tempoh yang sama ialah RM95,599,808.

Bantahan dan Rayuan


Pembayar cukai yang tidak bersetuju dengan penaksiran cukai yang dikeluarkan oleh LHDN boleh membuat bantahan dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis taksiran dikeluarkan. Jika masih tidak berpuas hati dengan keputusan LHDN, pembayar cukai boleh membuat rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan. Rayuan seterusnya boleh dibuat ke Mahkamah Tinggi dan kemudian ke Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Rayuan jika salah satu pihak tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh institusi perundangan di bawahnya.



BANTAHAN RASMI						
Bantahan	Cukai Pendapatan				CKHT	
	Syarikat		Individu*			
	2001	2002	2001	2002	2001	2002
Dalam proses (b/b)	19	11	3	7	5	5
Difail dalam tahun	6	21	6	9	3	6
Jumlah	25	32	9	16	8	11
Selesai	14	23	2	4	3	6
Dalam proses (b/h)	11	9	7	12	5	5

* Termasuk badan amanah, pertubuhan dan perkongsian.

RAYUAN KE PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN DAN MAHKAMAH								
Rayuan	Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan		Mahkamah Tinggi		Mahkamah Rayuan		Mahkamah Persekutuan	
	2001	2002	2001	2002	2001	2002	2001	2002
Dalam proses (b/b)	35	12	15	7	3	5	4	0
Difail dalam tahun	21	28	4	2	4	4	0	0
Jumlah	56	40	19	9	7	9	4	0
Selesai	34	25	12	7	2	4	4	0
Dalam proses (b/h)	22	15	2	2	5	5	0	0



Banci Bisnes



Dalam tahun 2002, LHDN telah melakukan 484 lawatan yang meliputi 26,638 premis pembayar cukai di seluruh negara bagi tujuan meningkatkan kesedaran dan pematuhan undang-undang serta memperluaskan lagi asas cukai. Jumlah ini adalah meningkat 46.27% berbanding dengan 18,211 premis yang dilawati dalam tahun 2001 hasil dari 503 lawatan.

Audit Cukai

Tujuan utama pelaksanaan audit cukai terutama di dalam persekitaran STS ialah untuk meningkatkan tahap pematuhan sukarela pembayar cukai kepada peraturan dan undang-undang cukai. Bilangan kes audit yang diselesaikan berjumlah 1,850 kes yang menghasilkan cukai dan penalti sebanyak RM77.03 juta berbanding RM51.25 juta tahun sebelumnya. Peningkatan sebanyak 50.29% daripada tahun 2001 adalah disumbangkan oleh pertambahan dalam kes syarikat yang diaudit dari 568 kes kepada 729 kes.

Penyiasatan

Tujuan utama pelaksanaan penyiasatan adalah untuk mengurangkan atau mencegah aktiviti pengelakan cukai dan menghukum pembayar cukai yang sengaja melakukan kesalahan atau cuai



dalam membuat laporan kewangan aktiviti percukaian. Dalam tahun 2002, jumlah cukai dan penalti yang diperolehi daripada aktiviti penyiasatan adalah RM386.49 juta daripada 656 kes yang selesai diambil tindakan.

Perkhidmatan Pelanggan

Tujuan utama pelaksanaan program perkhidmatan pelanggan adalah untuk memberi kesedaran dan pengetahuan percukaian kepada pembayar cukai, bakal pembayar cukai, ejen cukai, majikan dan orang awam terutama mengenai hak dan tanggungjawab pembayar cukai. Aktiviti sedia ada dipertingkatkan, di samping memperkenalkan aktiviti baru supaya kumpulan sasaran dapat dicapai dan dapat menerima manfaat daripada aktiviti yang disediakan.


Kemudahan mendapat maklumat

LHDN menyediakan kemudahan kepada pembayar cukai untuk berkomunikasi sama ada;


- berinteraksi terus di kaunter perkhidmatan di cawangan seluruh negara,
- menghantar surat atau e-mel melalui laman web, atau
- menelefon ke pusat panggilan.

Di samping itu, LHDN mempertingkatkan penyaluran maklumat melalui seminar, ceramah, kursus dan bengkel yang diadakan sepanjang tahun. Laman web juga memaparkan maklumat percukaian terkini selain daripada menyediakan kemudahan mencapai LHDN dan memuat turunkan borang cukai. Sepanjang

PERKHIDMATAN LAMAN WEB DAN E-MEL



KOMUNIKASI



tahun 2002, jumlah pengunjung yang mengunjungi kaunter perkhidmatan adalah 2,124,182 orang dan daripada jumlah tersebut, 636,467 telah ditemu duga atau membuat perbincangan dengan LHDN. Manakala laman web telah dilayari oleh 567,969 pelawat dan pusat panggilan telah menerima 6,494 panggilan serta 1,081 temu duga di LHDN.





Tahun	MINGGU PERKHIDMATAN PEMBAYAR CUKAI			Taklimat	
	Bilangan	Kaunter Pengunjung	Perkhidmatan	Bilangan	Peserta
2000	565	73,054	102,339	46	1,806
2001	726	79,574	119,230	106	3,052
2002	887	80,536	111,438	72	3,467

PUSAT PANGGILAN		
Perkhidmatan	Bilangan	
	2001*	2002
Panggilan	1,411	6,494
Temuduga	36	1,081
Jumlah	1,447	7,575

*Perkhidmatan dalam 3 bulan pertama pelaksanaan.

Bagi mempertingkatkan perkhidmatan kaunter di cawangan, LHDN telah memperkenalkan perkhidmatan kaunter setempat yang bertujuan memudahkan pembayar cukai berurusan semua jenis perkhidmatan yang diperlukan di tempat yang sama. Sehingga tahun 2002, sebanyak 26 cawangan LHDN telah menubuhkan kaunter setempat masing-masing, di mana kaunter setempat di Cawangan Jalan Duta menerima purata pengunjung yang paling tinggi iaitu 288 pengunjung setiap hari.


MOD BAYARAN CUKAI				
Kaunter Bayaran Dan Mel (RM Juta)	Kaunter Bank (RM Juta)	Biz-Channel (RM Juta)	Lain-lain (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
37,568.56	4,913.89	12.92	1,828.94	44,324.31

LHDN juga menyediakan kemudahan kaunter sementara di bawah program tahunan Minggu Perkhidmatan Pembayar Cukai (MPPC) yang diadakan selama seminggu. MPPC tahun ini yang diadakan dari 6 Mei 2002 hingga 12 Mei 2002 telah menarik 80,536 pengunjung. Sejumlah 887 kaunter sementara telah dibuka di pejabat majikan, di kompleks membeli-belah dan di tempat strategik yang lain. Fokus program tahun ini adalah ‘bayaran ansuran’ dan ‘pengiraan sendiri cukai individu’.

Bagi meningkatkan tahap kesedaran dan pematuan sukarela di kalangan pembayar cukai, program pembelajaran telah dijalankan sepanjang tahun yang melibatkan 476 ceramah, taklimat dan seminar yang telah disertai oleh 30,442 peserta. LHDN juga telah mengadakan 19 sesi siaran penerangan melalui televisyen dan 33 sesi penerangan melalui radio.

Kemudahan mendapat dan menghantar borang

Adalah menjadi program tahunan LHDN menghantar borang cukai secara pos kepada semua pembayar cukai berdaftar yang layak. Mulai tahun ini, LHDN telah menyediakan kemudahan memuat turun BCP dari laman web untuk membolehkan pembayar cukai mendapat salinan borang dan menghantar secara pos atau tangan ke LHDN setelah diisi.



Ikhsan: Y.Bhg. Dato' Mohd. Nor Khalid (LAT)


Tarikh mengembalikan BCP bagi individu setiap tahun pada 31 Mei telah dilanjutkan kepada 5 Jun 2002. LHDN juga telah menyediakan 65 peti khas di kompleks membeli-belah di seluruh negara dan 10 peti lagi di pejabat pos di sekitar Lembah Klang. Di samping itu, pembayar cukai boleh menghantar BCP ke kaunter cawangan LHDN pada waktu pejabat atau menghantar melalui pos.

Kemudahan membuat bayaran

Pembayar cukai boleh membuat bayaran cukai pendapatan melalui majikan, mel, kaunter bayaran, bank dan portal bank secara elektronik.

Ejen Pemungutan

Sebagai ejen memungut pinjaman pelajaran kepada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) daripada bekas penuntut pengajian tinggi yang telah tamat pengajian, LHDN telah berjaya memungut RM12,439,220.69 daripada 14,781 peminjam berbanding dengan RM5,642,020.09 daripada 6,185 peminjam dalam tahun 2001.



PEMBANGUNAN SISTEM TAKSIR SENDIRI ■

Pelaksanaan Sistem Taksir Sendiri (STS) atas pembayar cukai syarikat telah masuk tahun kedua dan LHDN telah mula menerima BCP bagi tahun taksiran 2001 yang dikemukakan dalam tempoh enam bulan (dilanjutkan ke lapan bulan) dari tarikh penutupan akaun. Bagi pembayar cukai selain daripada syarikat iaitu pembayar cukai individu, koperasi, badan amanah, kelab, persatuan dan keluarga sekutu Hindu akan mula mengamalkan STS mulai tahun taksiran 2004.

Di bawah STS, pembayar cukai individu dikehendaki menutup akaun perniagaan pada 31 Disember setiap tahun dan mengemukakan BCP pada atau sebelum 30 April pada tahun berikutnya. Dengan itu, tahun taksiran 2003 merupakan tahun peralihan bagi pembayar cukai individu yang sebelum ini menutup akaun perniagaan selain daripada pada 31 Disember setiap tahun.





Sepanjang tahun 2002, di samping menyiapkan fasa terakhir sistem STS bagi pembayar cukai syarikat, LHDN mula merangka model STS bukan syarikat dengan mengambil pendekatan berikut:

- i. menggunakan konsep yang hampir sama dengan konsep STS bagi pembayar cukai syarikat;
- ii. menggunakan undang-undang yang tidak jauh berbeza dengan undang-undang yang ada sekarang dari segi layanan cukai, pengiraan cukai, dan penguatkuasaan;
- iii. memperkenalkan undang-undang dan peraturan yang lebih telus serta prosedur dan sistem kerja yang lebih menyenangkan bagi tujuan meminimumkan beban pematuhan (kos dan masa) yang bakal ditanggung oleh pembayar cukai; dan

- iv. pengenaan faedah di atas kesalahan undang-undang tidak akan diperkenalkan, di mana hanya mengguna pakai sistem pengenaan denda seperti yang ada sekarang.

Setakat ini LHDN telah menyediakan undang-undang berkaitan yang melibatkan pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 melalui Akta A1151 yang telah diwartakan pada 23 Mei 2003. Manakala komponen STS dalam tindakan ialah:

- i. merangka peraturan, prosedur dan sistem kerja termasuk pembentukan borang cukai baru.
- ii. membangun infrastruktur sistem pengkomputeran.
- iii. memantapkan proses dan prosedur kerja audit, banci bisnes dan khidmat pelanggan serta mempertingkatkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan.
- iv. mempertingkatkan latihan dan pendedahan kepada pegawai mengenai prosedur, proses dan sistem kerja di bawah STS.



HUBUNGAN ANTARABANGSA ■

Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali

Salah satu fungsi utama LHDN ialah bertindak sebagai penasihat kepada Kerajaan perkara berkaitan dengan pencukaian. Dalam hal ini, LHDN sentiasa membantu Kerajaan:

- memelihara asas cukai agar hasil negara tidak teralir keluar melalui penentuan hak mencukai yang tidak seimbang, dan
- mempertingkatkan perdagangan dan pelaburan di peringkat antarabangsa.

Dalam tahun 2002, sebanyak 6 Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK) telah diadakan, iaitu rundingan pusingan pertama dengan Lebanon, dan rundingan pusingan kedua dengan Jerman, Seychelles, Norway, Arab Saudi dan Portugal. Pada keseluruhannya, sebanyak 46 PPPDK telah berkuatkuasa, 7 PPPDK telah selesai ditandatangani dan diwartakan, 12 PPPDK telah selesai dirundingkan, dan 14 PPPDK masih dalam proses rundingan.

Lawatan Delegasi

LHDN juga telah menerima 5 kunjungan hormat atau lawatan sambil belajar pelawat dari luar negara iaitu 6 orang pegawai dari State Administration of Taxation People's Republic of China, 8 pegawai dari Ministry of Finance Republic Socialist of Vietnam, 10 pegawai kerajaan dari Pakistan, 4 pegawai dari University of Switzerland, dan 63 pegawai dari Rajasthan Tax Consultants Association, India.



PPPDK BERKUATKUASA

- | | |
|---|---------------------------------------|
| • Amerika Syarikat
(Perjanjian Terhad) | • Jordan |
| • Arab Saudi
(Perjanjian Terhad) | • Korea Selatan |
| • Argentina
(Perjanjian Terhad) | • Malta |
| • Australia | • Mauritius |
| • Austria | • Mongolia |
| • Bahrain | • Netherlands |
| • Bangladesh | • New Zealand |
| • Belgium | • Norway |
| • Canada | • Pakistan |
| • China | • Papua New Guinea |
| • Denmark | • Perancis |
| • Emiriah Arab Bersatu | • Poland |
| • Fiji | • Republik Czech |
| • Filipina | • Romania |
| • Finland | • Rusia |
| • Hungary | • Singapura |
| • India | • Sri Lanka
(Perjanjian Baru) |
| • Indonesia | • Sweden |
| • Ireland | • Switzerland |
| • Itali | • Thailand |
| • Jerman | • Turki |
| • Jepun
(Perjanjian Baru) | • United Kingdom
(Perjanjian Baru) |
| | • Uzbekistan |
| | • Vietnam |



PPPDK DITANDATANGANI DAN DIWARTAKAN

- | | |
|--------------|------------|
| • Albania | • Namibia |
| • Kyrgyzstan | • Sudan |
| • Mesir | • Zimbabwe |
| • Myanmar | |



MALAYSIA



PPPK SELESAI DIRUNDINGKAN

- | | |
|------------------------------|----------------------------------|
| • Afrika Selatan | • Luxembourg |
| • Brunei | • Morocco |
| • Croatia | • Oman |
| • India
(Perjanjian Baru) | • Singapura
(Perjanjian Baru) |
| • Iran | • Sweden
(Perjanjian Baru) |
| • Kazakhstan | |
| • Kuwait | |



PPPK DALAM RUNDINGAN

- | | |
|--------------------------------|-------------------------------|
| • Arab Saudi | • Mexico |
| • Brazil | • Norway
(Perjanjian Baru) |
| • Chile | • Portugal |
| • Finland
(Perjanjian Baru) | • Sepanyol |
| • Jerman
(Perjanjian Baru) | • Seychelles |
| • Laos | • Uruguay |
| • Lebanon | • Venezuela |



Persidangan, Seminar Dan Mesyuarat

Persidangan / Seminar	Tempat	Jumlah Peserta	Anjuran
Seminar garis panduan pemindahan harga dan pertukaran maklumat serta rahsia bank	Chonan, Korea	2	Korea-OECD Multilateral Tax Centre
Persidangan CIAT ke 36	Quebec City, Kanada	3	CIAT
Persidangan Agung IOTA ke 6	Riga, Latvia	3	IOTA
Persidangan tahunan OECD ke 7 dan Persidangan teknikal CIAT	Paris, Perancis	6	OECD / CIAT
Persidangan SGATAR ke 32	Thailand	8	SGATAR
Persidangan cukai antarabangsa ke 8	Havana, Cuba	2	The National Office of Tax Administration Republic of Cuba
Persidangan teknikal CATA ke 23	Cape Town, Afrika Selatan	6	CATA

Mesyuarat	Tempat	Jumlah Peserta	Anjuran
TAG OECD mengenai keuntungan perniagaan	Washington D.C. Amerika Syarikat	1	OECD
Ketua-ketua institusi latihan ahli-ahli SGATAR	APN, Bangi Malaysia	1	SGATAR
Penilaian prestasi CATA	London, UK	3	CATA
Pengurusan jawatankuasa CATA	London, UK	3	CATA
CIOTA	Quebec City, Kanada	3	CIOTA
Peringkat kerja ke 4 SGATAR	Tokyo, Jepun	2	SGATAR

Catatan:

OECD	- Organisation for Economic Co-operation and Development
CATA	- Commonwealth Association of Tax Administrators
CIAT	- Inter-American Centre of Tax Administrations
IOTA	- Intra-European Organisation of Tax Administrations
CIOTA	- Committee of International Organisations on Tax Administration
TAG	- Technical Advisory Group
SGATAR	- Study Group on Asian Tax Administration and Research

KE ARAH MENCAPAI

BUDAYA KORPORAT





Pengurusan Cepak dan Berkesan ■

LHDN komited mentadbir undang-undang cukai yang diamanah dengan cepak dan berkesan bagi mencapai objektif pungutan di samping tidak membebankan pembayar cukai dengan kos pematuhan yang tinggi. Komitmen dan objektif tersebut direalisasikan melalui pemodenan sistem dan proses kerja, kecekapan penyediaan perkhidmatan yang diperlukan oleh pelanggan, dan pengagihan sumber secara optima.

Antara inisiatif yang ditekankan ialah mempertingkatkan penggunaan teknologi maklumat yang bukan sahaja dapat mempercepatkan proses kerja dan mengoptimalkan perbelanjaan pentadbiran tetapi juga dapat memberi kesenangan kepada pembayar cukai khususnya dan orang awam umumnya dalam mendapat perkhidmatan yang diperlukan. Sistem komunikasi dan prosesan aktiviti pungutan, auditan, penyiasatan dan khidmat pelanggan di bawah STS dibangunkan sepenuhnya berasaskan kepada teknologi maklumat. Jika sistem prosesan aktiviti ini siap sepenuhnya pada tahun 2005, bayaran balik cukai dan pilihan kes untuk diaudit dapat dilaksanakan sepenuh secara

automatik apabila borang cukai diterima. Bagi sistem komunikasi pula, pembayar cukai boleh menggunakan kemudahan internet untuk mengemukakan borang cukai melalui *e-filing*, membuat bayaran cukai melalui e-pembayaran, dan mendapat maklumat serta membuat pertanyaan melalui laman web. Walau bagaimanapun kadar celik teknologi maklumat dalam kehidupan harian rakyat masih lagi ditahap yang rendah. Dengan demikian LHDN terpaksa memperbagaikan perkhidmatan yang disediakan untuk memenuhi keperluan masyarakat cukai yang *heterogeneous* yang tidak hanya tertumpu kepada perkhidmatan berasaskan kepada teknologi maklumat semata-mata.

Di antara kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan ialah;

- Pusat Khidmat Pelanggan - memberi sebarang bantuan yang diperlukan oleh pelanggan,
- Pusat Pemprosesan - memudahkan urusan pengembalian borang,
- Pemencaran aktiviti pungutan - memudahkan penyemakan kedudukan cukai oleh pembayar cukai, dan
- Pusat Panggilan - melayani pertanyaan pelanggan dalaman dan luaran mengenai isu-isu STS.



Mewujudkan Tenaga Kerja Profesionalisme ■

LHDN sentiasa menyemak strategi sumber tenaga manusia bagi membolehkan organisasi memberi perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan kepada pelanggan serta beroperasi mencapai sasaran kutipan hasil dengan mengoptimumkan

keupayaan sumber manusia yang sedia ada. Pada masa sekarang LHDN menggunakan 6,830 pegawai untuk melayan keperluan lebih 4.6 juta pembayar cukai berdaftar, 257,300 majikan berdaftar, 8.87 juta dokumen penyeteman yang menghasilkan kutipan cukai dan duti berjumlah RM44.324 juta, iaitu bersamaan 53.07% Hasil Kerajaan Persekutuan. Pegawai ini juga digunakan untuk membantu Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) memungut balik

KURSUS DALAM NEGERI			
Jenis Latihan	Kategori Kursus	Kategori Peserta	Bilangan Peserta
■ Latihan untuk perkhidmatan	Induksi umum dan khusus	Pegawai Eksekutif dan Penolong Pegawai Eksekutif	295
	Undang-undang dan perakaunan	Pegawai Eksekutif, Penolong Pegawai Eksekutif dan Pembantu Tadbir	813
■ Latihan untuk kemahiran dan kemajuan diri	Teknikal	Pegawai Eksekutif dan Penolong Pegawai Eksekutif	765
	Perkhidmatanpelanggan	Pegawai Eksekutif, Penolong Pegawai Eksekutif dan Pembantu Tadbir	149
	Pengurusan	Semua kakitangan	3,006
	Teknologi maklumat	Pegawai Eksekutif, Penolong Pegawai Eksekutif dan Pembantu Tadbir	162

pinjaman pelajaran daripada pelajar selepas tamat pengajian yang berjumlah RM12.439 juta dari pengurusan 19,019 akaun peminjam.

Untuk menyediakan perkhidmatan yang cemerlang dan sentiasa memenuhi keperluan pelanggan serta kehendak *stakeholders*, LHDN memerlukan tenaga kerja mahir, komited, dedikasi dan disiplin dalam menjalankan tugas yang diamanahkan. Kualiti sumber manusia ini sentiasa dipertingkatkan bagi memenuhi permintaan dan kehendak semasa yang semakin *sophisticated*. Kecemerlangan dalam pembangunan sumber manusia yang berkualiti adalah dicapai melalui:

- penyediaan latihan dan pendedahan,
- penyediaan suasana kerja yang sesuai,
- pemberian galakan kewangan dan moral,
- penyediaan kebajikan kepada pegawai dan keluarga, dan
- penyediaan aktiviti ko-kurikulum.

Latihan dan pendedahan

Setiap pegawai disediakan dengan latihan dan latihan semula sama ada di dalam atau di luar negara. Sepanjang tahun 2002, LHDN telah menyediakan 143 jenis kursus tempatan untuk tujuan:

- pengesahan dalam perkhidmatan, dan
- meningkatkan tahap kemahiran dalam bidang kerja tertentu.

Di samping itu, LHDN telah menghantar 79 orang pegawai untuk mengikuti kursus dan latihan di luar negara. Dalam



tahun 2002, LHDN telah menyediakan latihan purata 15.79 jam bagi setiap pegawai.

Keselesaian Kerja dan Kesesuaian Peralatan

Sasaran LHDN ialah mempunyai bangunan atau ruang pejabat milik sendiri di setiap cawangan dan pusat di seluruh negara. Persekitaran kerja yang selesa dan peralatan yang sesuai merupakan pemangkin kepada peningkatan produktiviti dan kecekapan pengurusan. Ruang pejabat diubahsuai, perabot ditukar dan peralatan teknologi maklumat digunakan bagi membolehkan kakitangan menjalankan tugas dengan cekap, berkesan, yakin dan selesa. Suasana kerja lebih selesa dan penggunaan peralatan canggih memberikan kepuasan dan keyakinan kepada kakitangan dan juga pembayar cukai apabila berurusan dengan LHDN.

KURSUS DAN BENGKEL ANTARABANGSA			
Kursus / Bengkel	Tempat	Jumlah Peserta	Anjuran
■ Perundingan cukai	Hong Kong	1	Inland Revenue Department, Hong Kong dan OECD
■ Percukaian perdagangan elektronik, dan ■ Percukaian peralatan kewangan	Chonan, Korea	4	OECD
■ Percukaian bagi inspektor cukai Komanwel, dan ■ <i>Advancing management potential</i>	London, UK	3	Inland Revenue UK dan CATA
■ Pentadbiran percukaian am	APN, Bangi, Malaysia	26	Program Kerjasama Teknikal Malaysia
■ Transaksi percukaian antarabangsa, dan ■ Pemindahan harga	APN, Bangi, Malaysia	51	OECD
■ Kaedah ' <i>money laundering</i> ' dan tipologi	Vancouver, Kanada	2	Kumpulan Asia Pasifik dan The Royal Canadian Mounted Police

Sepanjang tahun 2002, LHDN telah membelanjakan lebih RM86 juta untuk:

- Membeli tanah dan bangunan bagi menyediakan ruang pejabat yang lebih selesa,
- Membekalkan kemudahan dan peralatan pejabat yang terkini bagi mewujudkan kecekapan dan keberkesanan bekerja,
- Mengubahsuai dan menambahbaik kaunter bagi mewujudkan suasana yang lebih mesra pelanggan, dan
- Menyediakan sistem perhubungan dan pemprosesan berasaskan teknologi maklumat bagi mempercepatkan kerja.


Penghargaan Staf

LHDN sentiasa memberi motivasi dan penghargaan kepada kakitangan dalam bentuk bonus, kenaikan gaji dan kenaikan pangkat bagi mempertingkatkan kecekapan dan etika kerja di samping melahirkan kakitangan yang cekap dan berdedikasi. Dalam tahun 2002 seramai 268 pegawai telah menerima kenaikan gaji 8%, 402 menerima kenaikan gaji 7% dan 5,848 menerima kenaikan gaji antara 2% hingga 6%. Pekerja yang cemerlang diberi ganjaran 1 bulan atau 1/2 bulan gaji di samping kenaikan gaji sebanyak 8% atau 7% setahun.

Sosial, sukan dan kebajikan

LHDN prihatin dalam menyediakan peluang dan kemudahan di mana perlu untuk mengasah bakat dalam bidang sukan, sastera, drama, kebudayaan dan lain-lain. Aktiviti yang dibuat secara berkumpulan ini amat berguna dalam memupuk semangat berpasukan dan '*esprit de corps*' di kalangan ahli dan seterusnya membangun keperibadian murni.

KENAIKAN PANGKAT MENGIKUT KATEGORI



Kokurikulum

Menubuhkan pasukan Askar Wataniah, Jabatan Pertahanan Awam (JPA3), Bomba Sukarela dan Taekwon-Do bagi tujuan memupuk nilai-nilai positif, membentuk disiplin, daya kepimpinan serta semangat berpasukan untuk melahirkan kakitangan yang bertanggungjawab, komited dan profesionalisme bagi meningkatkan prestasi organisasi.





Mempertingkatkan Pematuhan Sukarela ■

Kejayaan dalam pelaksanaan STS adalah bergantung, terutamanya kepada tahap pematuhan sukarela masyarakat cukai kepada undang-undang dan peraturan cukai. Dengan itu adalah menjadi misi LHDN untuk meningkatkan tahap pematuhan sukarela itu di kalangan pembayar cukai tanpa membebankan mereka dengan kos pematuhan yang tinggi. Program pembelajaran dan kesedaran STS dirangka sebegitu rupa supaya pembayar cukai;

- dapat memahami undang-undang dan peraturan cukai,
- tahu menyimpan dokumen dan rekod aktiviti,
- tahu menyediakan akaun aktiviti,
- tahu mengisi borang cukai,
- tahu mengira cukai yang patut dibayar, dan
- sedar akan hak dan tanggungjawab sebagai pembayar cukai,

tanpa bantuan pengamal atau ejen cukai yang boleh meningkatkan kos pematuhan.

Bagi tujuan itu, LHDN telah mengadakan 476 ceramah, taklimat dan bengkel kepada 30,442 pembayar cukai dan pengamal atau ejen cukai di seluruh negara. Di samping itu penerangan juga diberikan melalui:

- radio dan televisyen,
- laman web,
- buku kecil, risalah dan nota ringkas, dan
- temujanji secara individu.

LHDN juga mengadakan dialog dengan kesatuan peniaga dan badan profesional dalam bidang percukaian dan perakaunan seperti MIA*, MIT*, MICPA*, MAICSA* dan MATA* yang boleh memberi kesan berganda dalam menyebarkan pengetahuan dan maklumat percukaian kepada ahli masing-masing.

Melalui peningkatan yang berterusan dalam aktiviti audit cukai dan banci bisnes, LHDN berharap dapat memastikan pembayar cukai:

- menyimpan dokumen dan rekod aktiviti,
- menyediakan akaun dengan betul,
- membuat laporan pendapatan dan perbelanjaan mengikut undang-undang dan peraturan,
- menghantar borang untuk tujuan taksiran dan bayaran dalam tempoh yang ditetapkan,



Ikhsan: Y.Bhg. Dato' Mohd. Nor Khalid (LAT)

- membuat bayaran cukai untuk diri sendiri dan pekerja dalam tempoh yang ditetapkan, dan
- tidak membuat kesalahan yang sama berulang lagi.

Sepanjang tahun 2002, LHDN telah melaksanakan audit cukai ke atas 1,850 kes yang melibatkan kutipan cukai dan penalti berjumlah RM77.03 juta. Di samping itu, LHDN juga telah melakukan 484 lawatan di bawah aktiviti banci bisnes yang meliputi 26,638 premis pembayar cukai.

***Nota:**

MIA	- Institut Akauntan Malaysia
MIT	- Institut Percukaian Malaysia
MICPA	- The Malaysian Institute of Certified Public Accountants
MAICSA	- Persatuan Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Syarikat Malaysia
MATA	- Malaysian Association of Tax Accountant

DIARI KORPORAT





Menanam pokok sebagai tanda ingatan sempena Majlis Hari Raya Bersama Perdana Menteri.



Penyerahan Surat Aku Janji oleh
Y. Bhg. Dato' Zainol Abidin bin Abd. Rashid kepada
Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.




Pemeriksaan perbarisan oleh
Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.

Hari Raya Bersama Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad

20 Disember 2002



Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad melawat sekitar
Akademi Percukaian Negara.



Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sempat beramah
mesra dengan pegawai yang menderma darah.



21 Januari 2002

Perjanjian melantik Public Bank Bhd. dan Public Finance Bhd. sebagai ejen memungut cukai disempurnakan oleh Y. Bhg. Dato' Ketua Eksekutif LHDN dan Pengarah Eksekutif Public Bank Bhd. sambil diperhatikan oleh Y. B. Dato' Chan Kong Choy, Timbalan Menteri Kewangan Malaysia.



6 Februari 2002

Kunjungan rasmi ke pejabat Tuan Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas oleh Pengarah Cawangan Pulau Pinang dan Pengarah Cawangan Bukit Mertajam.



6 – 12 Mei 2002

Salah satu kaunter sementara yang dibuka di pusat membeli-belah pada Minggu Perkhidmatan Pembayar Cukai (MPPC) yang diadakan di seluruh negara selama seminggu.



25 Mei 2002

Hj. Mustaffa bin Ibrahim, Pegawai Eksekutif dari Cawangan Penaksiran (Jln. Duta) Kuala Lumpur menerima anugerah Tokoh Maulidur Rasul daripada Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong sempena sambutan Maulidur Rasul 2002 Peringkat Kebangsaan.



6 Mei 2002

Tetamu jemputan Encik Rashid bin Dato' Sidek (bekas pemain badminton negara) mengambil kesempatan mengemukakan borang cukai di kaunter setempat sambil diperhatikan oleh Y. B. Dato' Chan Kong Choy, Timbalan Menteri Kewangan Malaysia.



12 Jun 2002

Operasi Banci Bisnes diadakan di sekitar Kuala Terengganu yang melibatkan pegawai dari Cawangan Lembah Klang, Kota Bharu dan Kuala Terengganu.



16 Julai 2002

Delegasi dari Negara-Negara Komanwel bergambar kenangan bersama Timbalan Ketua Pengarah (Operasi dan Teknologi Maklumat) sempena lawatan ke pejabat LHDN Bukit Mertajam.



17 Ogos 2002

Kemeriahan Hari Keluarga Hasil Cawangan Teluk Intan yang diadakan di Teluk Rubiah Golf and Country Resort, Manjung, Perak yang turut dihadiri oleh Y. Bhg. Dato' Ketua Eksekutif LHDN.



20 Oktober 2002

Lawatan Y.A.B. Menteri Besar Selangor ke tapak pameran LHDN Klang semasa Program Mesra Rakyat K3P Kampung Delek, Selangor.



28 Oktober 2002

Para pemenang pertandingan mengarang esei antara sekolah di seluruh negara bergambar dengan Y. B. Dato' Chan Kong Choy dan Y. Bhg. Dato' Ketua Eksekutif LHDN.



31 Oktober 2002

Kelab Rekreasi Hasil Dalam Negeri Muar, Johor menganjurkan Kempen Derma Darah.

PERUBAHAN PERUNDANGAN



BAJET 2003 ■

Pada 20 September 2002, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan telah membentangkan Bajet 2003. Susulan daripada itu beberapa peruntukan undang-undang dicadangkan untuk dipinda.

Cukai Pendapatan

- Individu tidak bermastautin tidak lagi perlu berada di Malaysia secara fizikal pada akhir tahun (31 Disember) dan pada awal tahun (1 Januari) untuk dianggap bermastautin di Malaysia.
- Pendapatan daripada menduduki premis bukan untuk tujuan perniagaan tidak lagi dikenakan cukai.
- Bayaran perkhidmatan kepada penerima bukan bermastautin dianggap diperolehi di Malaysia jika sekiranya perkhidmatan tersebut dilakukan di Malaysia.
- Pendapatan daripada aktiviti perniagaan luar pesisir Labuan oleh bank luar pesisir Malaysia dikecualikan daripada cukai.
- Pendapatan perkhidmatan yang diterima oleh syarikat bertaraf ibu pejabat operasi diberi pengecualian cukai selama 10 tahun.
- Pengarah syarikat diberi tanggungjawab membayar cukai pendapatan syarikat jika syarikat gagal berbuat demikian.
- Pembayar cukai dikehendaki menyimpan rekod dan dokumen selama 7 tahun.
- Kadar cukai pegangan kontraktor tidak bermastautin dikurangkan:
 - dari 15% ke 10% atas bayaran kontrak, dan
 - dari 5% ke 3% atas bayaran yang dibayar kepada pekerja.
- Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri diberi kuasa meremitkan penalti yang dikenakan kerana gagal membayar cukai atas dividen yang diisytiharkan oleh syarikat.
- Di bawah STS, notis pemberitahuan pembayaran balik adalah dianggap diserahkan kepada pembayar cukai pada hari borang cukai dikemukakan.
- Kadar cukai pendapatan bagi syarikat yang memiliki modal saham biasa berbayar tidak melebihi RM2.5 juta:
 - Dikurangkan kepada 20% bagi pendapatan bercukai tidak melebihi RM100,000.
 - 28% bagi bahagian pendapatan bercukai melebihi RM100,000.
- Menteri Kewangan diberi kuasa untuk menetapkan sama ada sesuatu bangunan adalah bangunan industri dan amaun elaun modal yang layak diberi.
- Tempoh permohonan untuk mendapat galakan cukai bagi projek pengeluaran bahan makanan yang tamat pada 31 Disember 2003 dilanjutkan sehingga 31 Disember 2005.
- Amaun pampasan yang diterima kerana hilang pekerjaan yang diberi pengecualian cukai pendapatan dinaikkan daripada RM4,000 kepada RM6,000 bagi setiap tahun lengkap perkhidmatan.
- Faedah yang diterima hasil daripada pelaburan dalam sekuriti, bon atau debentur yang diluluskan dikecualikan daripada cukai.
- Galakan elaun pelaburan semula yang diberikan kepada syarikat selama ini telah diperluaskan kepada individu (termasuk perkongsian) yang menukarkan sistem penternakan ayam dan itik daripada sistem reban terbuka kepada sistem reban tertutup.
- Galakan yang diberi kepada syarikat yang terlibat dalam pelaburan bagi projek pengeluaran bahan makanan diperluaskan kepada penangkapan ikan laut dalam.
- Perbelanjaan modal loji dan jentera bagi tujuan penjimatan tenaga yang diluluskan dikurangkan tempoh potongan elaun modal dipercepat dari tiga tahun ke satu tahun.
- Perbelanjaan modal bagi tujuan menggubal Pelan Induk Ekonomi Berasaskan Pengetahuan diberi potongan dalam pengiraan cukai pendapatan.
- Perbelanjaan penerbitan sekuriti hutang swasta mengikut prinsip Islam diberi potongan dalam pengiraan cukai pendapatan mulai tahun taksiran 2003 hingga 2007.



- Potongan dua kali yang diberi ke atas perbelanjaan bagi menggalakkan eksport perkhidmatan profesional diperluaskan meliputi individu (termasuk perkongsian).
- Syarikat milik tempatan yang mengambil alih syarikat milik asing berteknologi tinggi di luar negara diberi potongan elaun tahunan 20% setahun daripada kos pengambilalihan syarikat asing berkenaan.
- Bangunan yang digunakan sebagai pusat penjagaan orang tua yang diluluskan diberi elaun bangunan industri 10% setahun daripada kos pembinaan atau pembelian bangunan.
- Syarikat perladangan yang menukar tanaman mereka kepada pokok kayu getah diberi galakan elaun 100% daripada perbelanjaan modal yang dilakukan dalam menyediakan kawasan, menanam dan menyelenggara tanaman.
- Syarikat yang melabur dalam syarikat milik sepenuhnya yang terlibat dalam aktiviti penyatuan pengurusan kebun kecil atau tanah terbiar yang diluluskan diberi potongan dalam pengiraan cukai pendapatan bersamaan dengan jumlah pelaburan yang dibuat.
- Pendapatan statutori pusat pengedaran serantau diberi pengecualian cukai pendapatan selama 10 tahun.
- Cukai pendapatan pegawai dagang yang bekerja dengan ibu pejabat operasi atau pejabat perwakilan hanya dikenakan atas bahagian pendapatan bercukai dari penggajian bagi tempoh berada di Malaysia sahaja.

Duti Setem

- Penalti kerana lewat meremitkan duti setem ke LHDN oleh bank, broker saham atau syarikat insurans dikurangkan daripada RM500 kepada RM200 atau 10% dari amaun kena bayar, yang mana lebih tinggi.
- Kadar penalti kerana lewat membuat penyeteman dipinda, iaitu:
 - RM25 atau 5% daripada duti belum bayar yang lewat kurang dari 3 bulan,
 - RM50 atau 10% yang lewat 3 hingga 6 bulan,
 - RM100 atau 20% yang lewat lebih dari 6 bulan.
- Surat perjanjian penyewaan harta tanah bersama dengan perkhidmatan dikenakan kadar duti yang sama dengan perjanjian penyewaan tanpa perkhidmatan.
- Semua surat cara perjanjian pembelian (termasuk pembelian aset) yang disempurnakan mengikut prinsip syariah bagi tujuan pembaharuan kemudahan pembiayaan pusingan secara Islam dikecualikan duti setem.
- Duti setem surat cara pindah milik harta tak alih yang tidak melibatkan sebarang balasan hanya atas dasar kasih sayang diremitkan sebanyak 50%.


Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan

- Pendapatan yang diterima oleh perkongsian yang berdaftar dengan "Labuan Offshore Limited Partnerships Act 1997" dan cawangan bank luar pesisir Labuan milik bank Malaysia ditaksir dan dikenakan cukai di bawah LOBATA.

PENYATA KEWANGAN

ASSET	LIABILITY	EQUITY
Fixed Assets	Current Liabilities	Capital
Current Assets	Long-term Liabilities	Reserves
Total Assets	Total Liabilities	Total Equity

Sijil Ketua Audit Negara.....	52
Penyata Pengerusi Dan Seorang Anggota Lembaga Hasil Dalam Negeri	53
Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri	54
Kunci Kira-Kira.....	55
Penyata Pendapatan	56
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti.....	57
Penyata Aliran Tunai	58
Nota-Nota Kepada Akaun.....	59




**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2002**

Penyata kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2002 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.


2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.

3. Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia pada 31 Disember 2002, hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.


(DATUK DR. HADENAN BIN ABD. JALIL)

KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
20 OGOS 2003



Penyata Pengerusi Dan Seorang Anggota Lembaga Hasil Dalam Negeri

Kami, **TAN SRI DR. SAMSUDIN BIN HITAM** dan **DATUK SITI MASLAMAH BINTI OSMAN** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI, MALAYSIA**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Lembaga, Kunci Kira- Kira, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI, MALAYSIA** pada 31 Disember 2002, hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,




Nama : TAN SRI DR. SAMSUDIN BIN HITAM

DATUK SITI MASLAMAH BINTI OSMAN

Gelaran : PENERUSI
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI

ANGGOTA
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI

Tarikh : 28 APRIL 2003

28 APRIL 2003

Tempat : KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR

Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri


Saya, **ZAKARIA BIN A. SAMAD** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI, MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Kunci Kira-Kira, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas di)
Kuala Lumpur pada)
25 haribulan APRIL 2003)



ZAKARIA BIN A. SAMAD

Di hadapan saya,



PESURUHJAYA SUMPAH
MOHD NOAR IBRAHIM
PESURUHJAYA SUMPAH
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
KUALA LUMPUR

Kunci Kira-Kira

Pada 31 Disember 2002

	Nota	2002 RM	2001 RM
ASET TETAP	3	226,521,089	187,608,190
PINJAMAN KEPADA KAKITANGAN	4	15,546,523	16,766,956
		242,067,612	204,375,146
ASET SEMASA			
Wang Cagaran dan Prabayar	5	163,511	403,825
Pinjaman Kepada Kakitangan	4	4,939,485	4,894,881
Bayaran Pendahuluan	6	18,605,745	9,066,909
Faedah Terakru		378,248	32,658
Simpanan Tetap dan Pelaburan Jangka Pendek	7	56,000,000	51,227,575
Wang Tunai dan Baki Bank		10,435,265	5,141,341
JUMLAH ASET SEMASA		90,522,254	70,767,189
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai Pemiutang	8	18,270,128	11,436,119
Pinjaman Berjangka	9	11,237,500	10,301,042
Peruntukan Yuran Audit		109,636	45,636
JUMLAH LIABILITI SEMASA		29,617,264	21,782,797
ASET SEMASA BERSIH		60,904,990	48,984,392
JUMLAH ASET BERSIH		302,972,602	253,359,538
DIBIAYAI OLEH:			
Kumpulan Wang Pembangunan	10	167,876,771	98,833,129
Kumpulan Wang Amanah	11	880,823	704,224
Kumpulan Wang Lain	12	36,000,000	36,000,000
Lebih / (Kurangan) Terkumpul	13	29,853,550	36,307,179
		234,611,144	171,844,532
LIABILITI JANGKA PANJANG DAN PENDAPATAN TERTAHAN			
Pinjaman Berjangka	9	68,361,458	79,598,958
Pendapatan Tertahan	14	-	1,916,048
		68,361,458	81,515,006
		302,972,602	253,359,538

Nota-nota di muka surat 59 hingga 67 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini.

Penyata Pendapatan

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002

		2002	2001
	Nota	RM	RM
Hasil	15	531,859,716	343,711,094
Pendapatan Operasi Lain		56,247	4,895
Kos Kakitangan	16	(377,946,870)	(241,023,529)
Susutnilai Hartanah, Perabot dan Kelengkapan		(44,437,729)	(20,781,710)
Perbelanjaan Operasi Lain		(116,023,292)	(97,028,994)
Lebihan / (Kurangan) Daripada Operasi		(6,491,928)	(15,118,244)
Kos Kewangan		(5,891,286)	(396,545)
Pendapatan Dari Pelaburan Dan Pinjaman		5,929,585	5,633,701
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Tahun Semasa		(6,453,629)	(9,881,088)

Nota-nota di muka surat 59 hingga 67 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini.

Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002

	Kumpulan Wang Pembangunan RM	Kumpulan Wang Amanah RM	Kumpulan Wang Lain RM	Lebihan / (Kurangan) Terkumpul RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari 2001	99,108,289	651,258	36,000,000	47,519,155	183,278,702
Lebihan / (Kurangan) Semasa	(275,160)	52,966	—	(9,881,088)	(10,103,282)
Pelarasan Tahun Lepas	—	—	—	(1,330,888)	(1,330,888)
	<u>(275,160)</u>	<u>52,966</u>	<u>—</u>	<u>(11,211,976)</u>	<u>(11,434,170)</u>
Baki pada 31 Disember 2001	98,833,129	704,224	36,000,000	36,307,179	171,844,532
Lebihan / (Kurangan) Semasa	69,043,642	176,599	—	(6,453,629)	62,766,612
Pelarasan Tahun Lepas	—	—	—	—	—
	<u>69,043,642</u>	<u>176,599</u>	<u>—</u>	<u>(6,453,629)</u>	<u>62,766,612</u>
Baki pada 31 Disember 2002	167,876,771	880,823	36,000,000	29,853,550	234,611,144

Nota-nota di muka surat 59 hingga 67 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini.

Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002

	Nota	2002 RM	2001 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI			
Terimaan Dan Fi Tahunan Dan Pendapatan Lain	17	532,156,277	343,403,538
Bayaran Kepada Pembekal Dan Kakitangan	18	(487,072,153)	(341,242,683)
TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI OPERASI		45,084,124	2,160,855
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian Hartanah, Perabot dan Kelengkapan		(83,350,628)	(97,078,422)
Pendapatan Dari Pelaburan Dan Pinjaman		5,583,995	5,840,385
TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI PELABURAN		(77,766,633)	(91,238,037)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Kumpulan Wang Pembangunan		69,043,642	(275,160)
Kumpulan Wang Amanah		176,599	52,966
Pinjaman Berjangka		(10,301,042)	89,900,000
Pendapatan Tertahan		(1,916,048)	(1,916,049)
Pinjaman Kepada Kakitangan		1,175,829	(7,861,032)
Bayaran Pendahuluan		(9,538,836)	(5,277,057)
Kos Kewangan Dibayar		(5,891,286)	(396,545)
TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN		42,748,858	74,227,123
Pertambahan / (Penurunan) Bersih Tunai		10,066,349	(14,850,059)
Tunai Dan Bersamaan Tunai Pada Awal Tahun		56,368,916	71,218,975
Tunai Dan Bersamaan Tunai Pada Akhir Tahun		66,435,265	56,368,916

Nota-nota di muka surat 59 hingga 67 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini.

Nota-Nota Kepada Akaun

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002

1. AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia telah diwujudkan pada 1 Mac 1996 di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri, Malaysia 1995 (Akta 533).

Lembaga bertindak sebagai ejen kepada Kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan berhubung dengan pentadbiran, pentaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pesaka dan duti setem.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

2.1. Asas Perakaunan

Akaun Lembaga telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan sejajar dengan kehendak piawaian perakaunan yang diluluskan.

2.2. Aset Tetap

Polisi Kewangan Aset Tetap Lembaga Hasil Dalam Negeri telah diluluskan oleh Anggota Lembaga pada 28 November 2002. Pemakaian polisi ini adalah berkuatkuasa mulai 1hb Januari 2002 bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan 2002. Perubahan dasar adalah seperti berikut:

- i. Aset tetap dengan kos pembeliannya tidak kurang daripada RM1,000.00 seunit akan dipermodalkan. Walau bagaimanapun permaidani, langsir dan seumpamanya yang diperolehi tanpa mengira kos tidak akan dipermodalkan.
- ii. Pembelian aset dengan kos kurang daripada RM1,000.00 seunit termasuk permaidani, langsir dan seumpamanya yang diperolehi tanpa mengira kos akan dianggap sebagai perbelanjaan tahun semasa.
- iii. Perolehan komputer dikategorikan semula daripada alat kelengkapan pejabat kepada komputer.
- iv. Perbelanjaan pengubahsuaian dikategorikan semula daripada bangunan dan pembaikan bangunan kepada pengubahsuaian.

2.3. Susutnilai

Aset tetap diakaunkan pada kos. Tanah Milik Bebas tidak disusutnilaikan. Mulai tahun 2002, kadar susutnilai bagi komputer adalah 33.33% berbanding dengan 20% pada tahun-tahun sebelumnya manakala kadar susutnilai bagi pengubahsuaian ditunjukkan secara berasingan daripada bangunan pada kadar yang sama iaitu 20%. Susutnilai dikira berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang tempoh jangka hayat berguna bagi aset-aset berkenaan.

Kadar susutnilai tahunan aset tetap adalah seperti berikut :-

Jenis Aset	Kadar Susutnilai
Tanah - Sewa pajak	Berdasarkan tempoh sewa pajak
Bangunan	2%
Alat Kelengkapan	20%
Perabot dan Lengkapan	20%
Kenderaan	20%
Pengubahsuaian	20%
Komputer	33.33%

2.4. Pengiktirafan Pendapatan Pelaburan

Pendapatan faedah dari simpanan Skim Konvensional diambilkira atas dasar terakru, manakala pendapatan keuntungan dari simpanan Skim Al-Mudharabah diiktiraf apabila keuntungan diterima.

2.5. Pertukaran Matawang Asing

Perkara-perkara dalam Penyata Pendapatan ditukarkan pada kadar pertukaran pada tarikh urusan. Perbezaan pertukaran diambilkira dalam Penyata Pendapatan.

2.6. Tunai dan Bersamaan Tunai

Lembaga telah menuruti kaedah langsung di dalam penyediaan aliran tunai. Bersamaan Tunai adalah terdiri daripada pelaburan jangka pendek, simpanan tetap dan tunai.

Nota-Nota Kepada Akaun

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002

3. ASET TETAP 3.1 ASET TETAP 2002

	Tanah		Bangunan		Alat Kelengkapan		Perabot & Kenderaan		Kemudahan		Aset Lain		Pengubahsuaian		Komputer		Jumlah	
	RM		RM		RM		RM		RM		RM		RM		RM		RM	
Kos:																		
1 Januari 2002	17,786,322	117,818,350	138,831,342	15,590,641	9,443,115	1,848,780	1,571,733										302,890,283	
Campur : Pembelian	19,097,120	29,812,800	1,920,930	746,961	1,567,777								2,390,034		31,185,673		86,721,295	
Tolak : Jualan / Pelupusan				(91,236)	(53,269)	(126,504)	(300)								(1,580)		(272,889)	
Tolak : Pelarasan		(11,477,660)	(117,313,106)	(10,184,208)	115,199	(1,848,780)	(1,571,433)						13,322,286		117,255,575		(11,702,127)	
31 Disember 2002	36,883,442	136,153,490	23,347,930	6,100,125	10,999,587								15,712,320		148,439,668		377,636,562	

Susutnilai:																		
1 Januari 2002	510,048	8,410,217	84,893,286	12,742,524	6,593,654	782,374	1,349,990										115,282,093	
Campur : Caj Pendapatan Tertahan																1,901,048	1,901,048	
Campur : Caj Semasa	778,002	3,464,318	1,826,444	547,837	1,121,460								2,648,109		34,051,559		44,437,729	
Tolak : Jualan / Pelupusan			(90,855)	(32,940)	(126,502)		(299)								(1,579)		(252,175)	
Tolak : Pelarasan		(5,267,946)	(69,108,048)	(9,118,845)	115,292	(782,374)	(1,349,691)						5,760,916		69,497,474		(10,253,222)	
31 Disember 2002	1,288,050	6,606,589	17,520,827	4,138,576	7,703,904								8,409,025		105,448,502		151,115,473	

NBB pada 31 Disember 2002 35,595,392 129,546,901 5,827,103 1,961,549 3,295,683 - - 7,303,295 42,991,166 226,521,089

Nota: NBB = Nilai Buku Bersih

Nota-Nota Kepada Akaun

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002

3.2 ASET TETAP 2001

	Tanah		Bangunan		Alat Kelengkapan		Perabot & Kenderaan		Kemudahan		Aset Lain		Pengubah-suaian		Komputer		Jumlah	
	RM		RM		RM		RM		RM		RM		RM		RM		RM	
Kos:																		
1 Januari 2001	15,528,822		38,893,437		123,960,160		12,448,567		8,224,579		1,237,867		1,620,837		-		201,914,269	
Campur : Pembelian	2,257,500		78,950,501		14,910,157		3,192,444		1,224,582		620,653		49,339		-		101,205,176	
Tolak : Jualan / Pelupusan	-		-		(38,585)		(41,724)		(6,046)		(9,740)		(1,900)		-		(97,995)	
Tolak : Pelarasan	-		(25,588)		(390)		(8,646)		-		(96,543)		-		-		(131,167)	
31 Disember 2001	17,786,322		117,818,350		138,831,342		15,590,641		9,443,115		1,848,780		1,571,733		-		302,890,283	

Susutnilai:

1 Januari 2001	9,281		5,475,497		68,030,143		10,194,297		5,182,019		495,603		1,215,951		-		90,602,791	
Campur : Caj Pendapatan	-		-		-		-		-		-		-		-		1,916,049	
Tertahan	-		-		1,916,049		-		-		-		-		-		20,781,710	
Campur : Caj Semasa	120,059		2,936,074		13,194,803		2,588,423		1,417,679		296,510		228,162		-		(96,349)	
Tolak : Jualan / Pelupusan	-		-		(36,948)		(41,720)		(6,044)		(9,739)		(1,898)		-		2,077,892	
Tolak : Pelarasan	380,708		(1,354)		1,789,239		1,524		-		(92,225)		-		-		-	
31 Disember 2001	510,048		8,410,217		84,893,286		12,742,524		6,593,654		782,374		1,349,990		-		115,282,093	

NBB pada 31 Disember 2001	17,276,274		109,408,133		53,938,056		2,848,117		2,849,461		1,066,406		221,743		-		187,608,190	
----------------------------------	-------------------	--	--------------------	--	-------------------	--	------------------	--	------------------	--	------------------	--	----------------	--	----------	--	--------------------	--

Nota: NBB = Nilai Buku Bersih

Nota-Nota Kepada Akaun

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002

4. PINJAMAN KEPADA KAKITANGAN

	2002	2001
	RM	RM
Pinjaman Kenderaan	14,033,790	15,254,494
Pinjaman Komputer	1,512,733	1,512,462
	<u>15,546,523</u>	<u>16,766,956</u>

Jumlah pinjaman kenderaan dan komputer perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan (termasuk dalam aset semasa):

Pinjaman Kenderaan	3,881,770	3,835,389
Pinjaman Komputer	1,057,715	1,059,492
	<u>4,939,485</u>	<u>4,894,881</u>
	<u>20,486,008</u>	<u>21,661,837</u>

5. WANG CAGARAN DAN PRABAYAR

	2002	2001
	RM	RM
Cagaran Elektrik dan Tol	7,500	7,560
Prabayar Pos	–	83,814
Prabayar Penyelenggaraan Aset	156,011	312,451
	<u>163,511</u>	<u>403,825</u>

6. BAYARAN PENDAHULUAN

	2002	2001
	RM	RM
Pendahuluan Kakitangan	82,913	50,004
Pendahuluan Gaji Kakitangan	18,084,632	7,956,824
Pendahuluan Pelbagai	438,200	1,060,081
	<u>18,605,745</u>	<u>9,066,909</u>

Nota-Nota Kepada Akaun

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002

7. SIMPANAN TETAP DAN PELABURAN JANGKA PENDEK

	2002	2001
	RM	RM
Bank-Bank Berlesen	36,500,000	23,227,575
Syarikat-Syarikat Kewangan Berlesen	5,000,000	28,000,000
Syarikat-Syarikat Diskaun	14,500,000	—
	56,000,000	51,227,575

8. PELBAGAI PEMIUTANG

	2002	2001
	RM	RM
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	5,142,868	3,881,236
Pertubuhan Keselamatan Sosial	197,400	162,504
Kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri	11,986	51,143
Faedah Pinjaman Berjangka Terakru	362,063	396,545
Wang Cagaran	70	70
Bekalan dan Perkhidmatan	12,555,741	6,944,621
	18,270,128	11,436,119

9. PINJAMAN BERJANGKA

	2002	2001
	RM	RM
Kumpulan Wang Amanah Pencen	79,598,958	89,900,000
Jumlah perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan (dimasukkan dalam liabiliti semasa)	(11,237,500)	(10,301,042)
Baki pada 31 Disember	68,361,458	79,598,958

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia telah memperolehi pinjaman daripada Kumpulan Wang Amanah Pencen sebanyak RM89.9 juta untuk membiayai pembelian empat buah bangunan pejabat iaitu Antap Plaza di Ipoh, Wisma Mercu Wawasan di Tawau, Wisma Hasil di Miri dan Bangunan Wisma Perkeso di Kota Bharu serta sebidang tanah di Lot 2, Jalan 14/2, Seksyen 4, Bandar Baru Bangi, Selangor. Bayaran perkhidmatan bagi pinjaman ini adalah 7% atas baki harian dan dibayar dalam tempoh 8 tahun.

Nota-Nota Kepada Akaun

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002

10. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

	2002	2001
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	98,833,129	99,108,289
Pemberian Kerajaan Persekutuan	89,700,000	9,750,000
Perbelanjaan yang tidak membentuk aset tetap	(20,656,358)	(10,025,160)
Baki pada 31 Disember	<u>167,876,771</u>	<u>98,833,129</u>

11. KUMPULAN WANG AMANAH

	2002	2001
	RM	RM
Akademi Percukaian Negara	568,114	450,870
Kursus Antarabangsa GTAC	194,273	128,490
Kursus Antarabangsa BHUTAN	118,436	124,864
Baki pada 31 Disember	<u>880,823</u>	<u>704,224</u>

Kumpulan Wang Amanah Akademi Percukaian Negara ditubuhkan bagi memperakaunkan segala terimaan dan perbelanjaan berkaitan kebajikan peserta kursus, aktiviti latihan, penyelidikan dan penerbitan yang dijalankan oleh Akademi Percukaian Negara Malaysia.

Kumpulan Wang Amanah Kursus Antarabangsa merupakan baki peruntukan bagi kursus antarabangsa yang dikendalikan oleh Akademi Percukaian Negara Malaysia dan ASEAN-Cooperation Unit.

12. KUMPULAN WANG LAIN

	2002	2001
	RM	RM
(a) Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	15,000,000	15,000,000
(b) Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	3,000,000	3,000,000
(c) Kumpulan Wang Pelaburan	18,000,000	18,000,000
	<u>36,000,000</u>	<u>36,000,000</u>

Nota-Nota Kepada Akaun

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002

13. LEBIHAN / (KURANGAN) TERKUMPUL

	2002	2001
	RM	RM
Lebihan Terkumpul Dari Tahun Lepas	36,307,179	47,519,155
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Tahun Semasa	(6,453,629)	(9,881,088)
Pelarasan Tahun Lepas	–	(1,330,888)
Lebihan Terkumpul Dibawa Ke Hadapan	<u>29,853,550</u>	<u>36,307,179</u>

14. PENDAPATAN TERTAHAN

Pendapatan tertahan merupakan Geran Daripada Kerajaan dalam bentuk aset tetap yang diterima dalam tahun 1996. Aset tetap tersebut telah diambilkira sepenuhnya mulai tahun kewangan 1998.

	2002	2001
	RM	RM
Baki Pada 1 Januari	1,916,048	3,832,097
Pelarasan Tahun Semasa	(1,916,048)	(1,916,049)
Baki Pada 31 Disember	<u>–</u>	<u>1,916,048</u>

15. HASIL

Hasil merupakan pendapatan yang didapati daripada sumber-sumber berikut:

	2002	2001
	RM	RM
Fi Tahunan	531,530,800	343,409,900
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	232,519	267,840
Jualan Barang-Barang Cetak Yang Lain	86,406	19,274
Denda dan Hukuman	2,769	13,800
Pendapatan Lain	7,222	280
	<u>531,859,716</u>	<u>343,711,094</u>

Nota-Nota Kepada Akaun

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002

16. KOS KAKITANGAN

Kos kakitangan terdiri daripada:

	2002	2001
	RM	RM
Gaji dan Upahan	272,500,815	170,566,795
Elaun Tetap	9,772,781	6,215,185
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	56,000,616	35,874,754
Elaun Lebih Masa	2,868,963	1,923,571
Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain	36,803,695	26,443,224
	377,946,870	241,023,529

17. TERIMAAN DARI FI TAHUNAN DAN PENDAPATAN LAIN

	2002	2001
	RM	RM
Jumlah Hasil (Nota 15)	531,859,716	343,711,094
Pendapatan Operasi Lain	56,247	4,895
Wang Cagaran dan Prabayar	240,314	(312,451)
	532,156,277	343,403,538

18. BAYARAN KEPADA PEMBEKAL DAN KAKITANGAN

	2002	2001
	RM	RM
Kos Kakitangan (Nota 16)	377,946,870	241,023,529
Perbelanjaan Operasi Lain	116,023,292	97,028,994
Pelbagai Pemiutang	(6,834,009)	1,846,673
Peruntukan Yuran Audit	(64,000)	12,599
Pelarasan Tahun Lepas	–	1,330,888
	487,072,153	341,242,683

Nota-Nota Kepada Akaun

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002

19. PENGLIBATAN MODAL

	2002	2001
	RM	RM
Dilulus dan dikontrakkan	<u>4,382,000</u>	<u>10,600,000</u>

Dalam tahun semasa, Lembaga Hasil Dalam Negeri telah diluluskan untuk pembelian sebidang tanah seluas 0.67 ekar di PT 4, Seksyen 27, Petaling Jaya secara rundingan terus dengan Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah pada harga RM4.382 juta. Pada tahun 2001, seluas 4.9 ekar di Lot 57, Seksyen 45, Bandaraya Kuching, Sarawak secara rundingan terus dengan PERNAS Properties Sdn. Bhd. pada harga RM10.6 juta.

20. CUKAI PENDAPATAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dikecualikan dari cukai pendapatan menurut seksyen 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi tempoh mulai tahun taksiran 1997 sehingga ke tahun-tahun taksiran berikutnya. Pengecualian cukai ini tidak meliputi pendapatan dividen.

21. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Angka-angka perbandingan tertentu telah disusun semula untuk disesuaikan dengan persembahan akaun bagi tahun semasa.

22. MAKLUMAT AM

Bilangan kakitangan bagi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia pada akhir tahun kewangan adalah seramai 6,780 orang (2001: 6,528 orang).



LAMPIRAN

Statistik.....	69
Kadar Cukai Dan Duti.....	71
Akta, Peraturan, Kaedah Dan Ketetapan Umum	76
Litigasi	82

Statistik

HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN, CUKAI LANGSUNG DAN ANGGARAN DISEMAK						
	1997	1998	1999	2000	2001	2002
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Hasil Kerajaan Persekutuan	65,736	56,710	58,677	61,864	79,567	83,515
Cukai Langsung	30,476	29,978	27,047	29,167	41,794	44,324
Anggaran Disemak Cukai Langsung	29,600	30,016	26,910	29,808	34,256	46,125
PEMROSESAN BORANG CUKAI PENDAPATAN (BCP)						
	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Bilangan BCP Keluar	2,629,933	2,969,146	2,879,501	2,984,988	2,852,813	3,379,759
Bilangan BCP Terima	1,828,126	2,000,326	2,013,968	2,080,787	1,897,504	2,159,596
Bilangan BCP Taksir	1,671,907	1,763,957	1,849,738	1,833,551	1,591,081	1,895,210
PUNGUTAN CUKAI MENGIKUT KATEGORI						
		2000		2001		2002
		RM Ribu		RM Ribu		RM Ribu
Syarikat		13,980,398		21,582,400		27,383,214
Individu		7,042,003		8,399,270		7,109,046
Petroleum		6,010,166		9,858,226		7,636,225
Duti Setem		1,788,181		1,645,504		1,769,622
Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT)		248,873		228,579		344,088
Koperasi		86,671		65,476		69,022
Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan (IOFC)		7,968		12,615		11,713
Cukai lain-lain		2,445		2,326		1,374
Jumlah		29,166,705		41,794,396		44,324,304
AUDIT CUKAI						
	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Bilangan kes diaudit	811	1,045	2,108	3,827	1,826	1,926
Bilangan kes selesai	694	706	1,148	1,337	1,604	1,850
Cukai dan penalti (RM'000)	20,419	100,400	35,127	41,415	51,254	77,031
PENYIASATAN						
	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Bilangan kes	609	549	688	672	748	656
Cukai dan penalti (RM'000)	509,785	362,063	407,363	428,138	397,258	386,488

Statistik

PERKHIDMATAN PELANGGAN

• KOMUNIKASI

Tahun 2002	Surat Menyurat (Bilangan)	Telefon (Bilangan)	Kaunter (Bilangan)
Pertanyaan	688,859	405,171	2,124,182
Aduan	14,892	18,628	7,408
Pemberitahuan / Temuduga / Rundingan	238,438	54,498	636,467
Jumlah	942,189	478,297	2,768,057

• PENGHANTARAN BORANG CUKAI PENDAPATAN (BCP) TAHUN TAKSIRAN 2001

Jenis Borang	Jumlah BCP
Borang B & M	3,031,135
Borang P, T & C1	125,269
Borang C (STS)	253,333
Jumlah keseluruhan	3,409,737

• PUSAT PANGGILAN

Bil.	Klasifikasi		Jumlah	
1.	Pemanggil	Ejen cukai	5,662	6,494
		Wakil syarikat	818	
		Cawangan LHDN	14	
2.	Lokasi	Kuala Lumpur	5,616	6,494
		Luar Kuala Lumpur	878	
3.	Tujuan	Bayaran ansuran	2,499	6,494
		Kredit seksyen 108	580	
		Borang Cukai	1,600	
		Lain-lain	1,815	
4.	Temuduga			1,081

• CERAMAH, TAKLIMAT DAN SEMINAR

Tajuk	Bilangan	Bilangan Peserta
STS untuk individu penggajian	307	30,442
STS untuk individu peniaga	131	
Prosedur dan Peraturan Audit Cukai	31	
Lain-lain	7	
Jumlah	476	

Kadar Cukai Dan Duti

• KADAR CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU (MULAI TAHUN TAKSIRAN 2002)

Pendapatan tercukai	RM	Kadar (%)	Cukai (RM)
Atas yang pertama	2,500	0	0
Atas yang berikutnya	2,500	1	25
Atas yang pertama	5,000		25
Atas yang berikutnya	5,000	3	150
Atas yang pertama	10,000		175
Atas yang berikutnya	10,000	3	300
Atas yang pertama	20,000		475
Atas yang berikutnya	15,000	7	1,050
Atas yang pertama	35,000		1,525
Atas yang berikutnya	15,000	13	1,950
Atas yang pertama	50,000		3,475
Atas yang berikutnya	20,000	19	3,800
Atas yang pertama	70,000		7,275
Atas yang berikutnya	30,000	24	7,200
Atas yang pertama	100,000		14,475
Atas yang berikutnya	50,000	27	13,500
Atas yang pertama	150,000		27,975
Atas yang berikutnya	100,000	27	27,000
Atas yang pertama	250,000		54,975
Melebihi	250,000	28	

- Mulai tahun taksiran 2002, kadar cukai pendapatan individu tidak bermastautin - 28%
- Kadar cukai pendapatan syarikat - 28%
- Kadar cukai pendapatan petroleum - 38%

• KADAR CUKAI PEGANGAN BUKAN PEMASTAUTIN

Jenis Pendapatan	Kadar Cukai
Royalti	10%
Perkhidmatan oleh penghibur awam	15%
Faedah	15%
Pendapatan kelas khas – yuran teknikal, yuran pemasangan dan sewa bagi kegunaan harta alih di bawah seksyen 4A ACP 1967	10%
• Bayaran kontrak (bahagian perkhidmatan) kepada kontraktor • Bayaran kontrak (bahagian perkhidmatan) untuk cukai pekerja	10% 3% } Mulai 21.9.2002

Kadar Cukai Dan Duti

• KADAR CUKAI PENDAPATAN KOPERASI (MULAI TAHUN TAKSIRAN 2002)

Pendapatan tercukai	RM	Kadar (%)	Cukai (RM)
Atas yang pertama	20,000	0	0
Atas yang berikutnya	10,000	3	300
Atas yang pertama	30,000		300
Atas yang berikutnya	10,000	6	600
Atas yang pertama	40,000		900
Atas yang berikutnya	10,000	9	900
Atas yang pertama	50,000		1,800
Atas yang berikutnya	25,000	12	3,000
Atas yang pertama	75,000		4,800
Atas yang berikutnya	25,000	16	4,000
Atas yang pertama	100,000		8,800
Atas yang berikutnya	50,000	20	10,000
Atas yang pertama	150,000		18,800
Atas yang berikutnya	100,000	23	23,000
Atas yang pertama	250,000		41,800
Atas yang berikutnya	100,000	26	26,000
Atas yang pertama	350,000		67,800
Atas yang berikutnya	150,000	26	39,000
Atas yang pertama	500,000		106,800
Melebihi	500,000	28	

- Mulai tahun taksiran 2003, kadar cukai pendapatan syarikat yang bermastautin di Malaysia yang memiliki modal saham biasa membayar tidak melebihi RM2.5 juta pada awal tempoh asas bagi suatu tahun taksiran adalah seperti berikut:

Pendapatan Bercukai	RM	Kadar Cukai Pendapatan
Bagi setiap ringgit yang pertama	100,000	20%
Bagi setiap ringgit yang melebihi	100,000	28%

- Mulai tahun taksiran 2003, kadar cukai pendapatan syarikat yang bermastautin di Malaysia yang memiliki modal saham biasa membayar melebihi RM2.5 juta pada awal tempoh asas bagi suatu tahun taksiran - 28%,

Kadar Cukai Dan Duti

• KADAR CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH : PELUPUS SELAIN DARIPADA SYARIKAT

Kategori Pelupusan	Kadar Cukai
Pelupusan dalam tempoh dua tahun selepas tarikh pemerolehan aset	30%
Pelupusan dalam tahun ketiga selepas tarikh pemerolehan aset	20%
Pelupusan dalam tahun keempat selepas tarikh pemerolehan aset	15%
Pelupusan dalam tahun kelima selepas tarikh pemerolehan aset	5%
Pelupusan dalam tahun keenam selepas tarikh pemerolehan aset atau tahun selepasnya	tiada

Bagi pelupus adalah syarikat, kadar cukai untuk pelupusan dalam tahun kelima selepas tarikh pemerolehan aset atau tahun selepasnya - 5%.

• PELUPUS ADALAH INDIVIDU BUKAN WARGANEGARA DAN BUKAN BERMASTAUTIN TETAP

Kategori Pelupusan	Kadar Cukai
Pelupusan dalam tempoh lima tahun selepas tarikh pemerolehan aset	30%
Pelupusan dalam tahun keenam selepas tarikh pemerolehan aset atau tahun selepasnya	5%

• KADAR DUTI SETEM ATAS SURAT CARA

JENIS SURAT CARA	DUTI DIKENAKAN
Afidavit, Pengisytiharan Berkanun atau Pengisytiharan Bertulis tentang sumpah atau ikrar	RM10
Perjanjian atau Memorandum Perjanjian Perjanjian atau memorandum perjanjian tanpa dimeterai	RM10
Tataurusan Pertubuhan Syarikat	RM100
Polisi Insurans	RM10
Kuasa atau Surat Wakil	RM10
Nota Janji Hutang:	
• Disempurnakan bagi pihak bank, bank perdagangan atau syarikat peminjam.	RM10
• Lain-lain.	RM10

Kadar Cukai Dan Duti

JENIS SURAT CARA	DUTI DIKENAKAN
Caj atau Gadaai janji (termasuk dilaksanakan di bawah Syariah), Bon, Waad, Debentur (bukan sekuriti yang boleh dipasarkan) Merupakan sekuriti prinsipal atau utama (melainkan dalam keadaan tertentu) berdasarkan kepada: a. Seksyen 5A (Pinjaman dan pembiayaan untuk tujuan perniagaan berskil kecil) terpakai: - bagi amaun tidak melebihi RM250,000 daripada agregat pinjaman. - bagi setiap RM1,000 tambahan atau sebahagian daripadanya. b. Pinjaman mata wang asing atau pembiayaan mengikut syariah dalam mata wang selain daripada ringgit. c. Kes lain-lain.	RM1 bagi setiap RM1,000 atau sebahagian daripadanya RM5 RM5 bagi setiap RM1,000 (atau sebahagian daripadanya) tetapi duti keseluruhannya yang kena dibayar tidak melebihi RM500 RM5 bagi setiap RM1,000 atau sebahagian daripadanya

• NOTA KONTRAK

SURAT CARA	DUTI DIKENAKAN
Berhubung dengan jualan mana-mana syer, stok atau sekuriti boleh dipasarkan dalam syarikat yang ditubuhkan di Malaysia atau di tempat lain.	RM1 bagi setiap RM1,000 atau sebahagian daripada RM1,000 bagi nilai mana-mana syer, stok atau sekuriti boleh dipasarkan.

Kadar Cukai Dan Duti

• PEMINDAHKAN, PENYERAHHAKAN, PEMINDAHAN

SURAT CARA	DUTI DIKENAKAN
Pemindahhakan harta	Bagi setiap RM100 atau sebahagian daripada RM100 bagi amaun nilai wang balasan atau nilai pasaran harta berkenaan yang mana lebih tinggi • RM1 pada RM100,000 pertama • RM2 pada mana-mana amaun melebihi RM100,000 tetapi tidak melebihi RM500,000 • RM3 pada mana-mana amaun yang melebihi RM500,000
Stok, syer atau sekuriti boleh dipasarkan, dikira atas harga atau nilai pada tarikh pemindahan, yang mana lebih tinggi.	RM3 bagi setiap RM1,000 atau sebahagian daripada RM1,000

• PAJAKAN ATAU PERJANJIAN PAJAKAN HARTA TIDAK ALIH DAN BAGI PERKHIDMATAN, KEMUDAHAN DAN HAL-HAL LAIN BERKAITAN DENGAN PAJAKAN

SURAT CARA	DUTI DIKENAKAN		
	Pajakan bagi tempoh		
	Tidak melebihi setahun	Melebihi setahun tetapi tidak melebihi tiga tahun	Melebihi tiga tahun atau mana-mana tempoh yang tidak terhad
Balasan dalam bentuk purata sewa dan lain-lain yang dikira bagi setahun (tanpa denda / premium) • Tidak melebihi RM2,400 • Bagi setiap RM250 atau sebahagian yang melebihi RM2,400	Tiada RM1.00	Tiada RM2.00	Tiada RM4.00
Balasan dalam bentuk bayaran sekali gus atau premium (tanpa sewa)	Duti mengikut kadar yang dikenakan atas pemindahhakan harta.		
Balasan dalam bentuk bayaran sekali gus, premium atau lain-lain (dengan merizabkan sewa)	• Duti mengikut kadar yang dikenakan atas pemindahhakan harta; dan • Duti mengikut kadar yang dikenakan atas balasan dalam bentuk purata sewa dan lain-lain.		

Akta, Peraturan, Kaedah Dan Ketetapan Umum

Akta Kewangan 2003

Susulan daripada pembentangan Bajet 2003, beberapa peruntukan undang-undang dicadangkan untuk dipinda.

1. Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53)

a. Status Pemastautinan - Seksyen 7(1)(b)

Syarat individu perlu berada di Malaysia secara fizikal pada akhir tahun (31 Disember) dan pada awal tahun (1 Januari) berikutnya dilonggarkan. Peruntukan 'ketiadaan sementara' diambil kira sebagai:

- i. Sebahagian daripada tempoh yang kurang daripada 182 hari; dan / atau
- ii. Tempoh yang sekurang-kurangnya 182 hari berturut-turut.

Syarat tempoh 'ketiadaan sementara' itu merupakan sebahagian daripada tempoh yang mengaitkan kedua-dua tahun berkenaan. Individu tersebut perlu berada di Malaysia sebelum dan selepas 'ketiadaan sementara' beliau. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2002.

b. Pendapatan Daripada Menduduki Premis Bukan Untuk Tujuan Perniagaan - Seksyen 11

Seseorang yang menduduki premis (menduduki premis kepunyaan sendiri atau diberi hak menduduki premis) bukan untuk tujuan perniagaan tidak akan dianggap sebagai mempunyai suatu punca yang boleh dikenakan cukai pendapatan. Peruntukan berkaitan dengan milikan premis bukan untuk tujuan perniagaan juga dipinda / dimansuh:

- i. Seksyen 128 - Pengecualian ke atas sebuah rumah yang dimiliki dan diduduki .
- ii. Seksyen 131 - Pengiraan pendapatan kasar daripada punca seksyen 11.
- iii. Seksyen 37 - Pengiraan pendapatan larasan daripada punca seksyen 11.

Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

c. Bayaran Perkhidmatan Diterima Oleh Penerima Tidak Bermastautin - Seksyen 4A[(i) & (ii)] dan 15A [(a) & (b)]

Bayaran perkhidmatan yang diklasifikasikan sebagai pendapatan di bawah Seksyen 4A (i) dan (ii):

- i. Amaun balasan bagi perkhidmatan yang dilakukan berkaitan dengan penggunaan harta atau hak kepunyaan, pemasangan atau kendalian loji, jentera

atau alatan lain yang dibeli daripada bukan pemastautin; dan

- ii. Amaun yang dibayar sebagai balasan kepada nasihat teknikal, bantuan atau perkhidmatan yang diberikan berhubung dengan pengurusan teknikal atau pentadbiran saintifik, industri atau perdagangan, duga niaga, projek atau skim;

yang diterima oleh penerima bukan pemastautin dianggap diperoleh dari Malaysia dan dikenakan cukai pegangan 10% jika bayaran berkenaan adalah untuk perkhidmatan yang dilaksanakan di Malaysia. Bayaran yang tidak berkaitan dengan perkhidmatan yang dijalankan di Malaysia tidak dianggap diperoleh daripada Malaysia. Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 21 September 2002.

d. Pendapatan Aktiviti Perbankan Malaysia - Seksyen 60C

Pendapatan kasar perniagaan perbankan Malaysia di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 tidak akan mengambil kira pendapatan yang terbit daripada aktiviti perniagaan luar pesisir Labuan yang dilakukan oleh bank luar pesisir milik bank Malaysia. Pendapatan yang terbit daripada aktiviti perbankan luar pesisir bagi sesebuah bank luar pesisir milik bank Malaysia yang dilesenkan akan dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan (LOBATA) 1990. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

e. Pendapatan Syarikat Bertaraf Ibu Pejabat Operasi - Seksyen 6(1)(g), 60E dan Jadual 1, (Bahagian 1, subperenggan 2(a))

Pendapatan daripada pemberian perkhidmatan yang layak oleh syarikat bertaraf ibu pejabat operasi adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan selama sepuluh tahun bermula daripada tahun taksiran dalam tempoh asas dalam mana kelulusan tersebut diberikan. Selaras dengan itu, dividen yang dibayar daripada pendapatan yang dikecualikan cukai diberi pengecualian di peringkat pemegang saham. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

f. Tanggungan Pengarah Membayar Cukai Pendapatan Syarikat - Seksyen 75(1) dan 75A

Pengarah syarikat adalah bertanggungjawab terhadap pembayaran cukai pendapatan syarikat. Pengarah ditakrifkan sebagai seorang yang:

- i. Menjawab jawatan sebagai pengarah atau pengurus atau seorang di peringkat pengurusan; dan
- ii. Dengan bersendirian atau bersama-sama sekutunya:

Akta, Peraturan, Kaedah Dan Ketetapan Umum

- Memegang lebih daripada 50% saham biasa syarikat; atau
- Mengawal (secara langsung atau tidak langsung atau melalui sekutunya) lebih daripada 50% saham biasa syarikat.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 27 Disember 2002.

g. **Kewajipan Menyimpan Dokumen Di Bawah Sistem Taksir Sendiri (STS) - Seksyen 82(1) dan 82A**

Pembayar cukai dikehendaki menyimpan dokumen (penyata pendapatan dan perbelanjaan, invoice, baucar, resit dan dokumen lain-lain) selama tujuh tahun bagi tujuan menentukan pendapatan yang dikenakan cukai. Apabila diaudit, dokumen ini diperlukan untuk menyokong tuntutan yang dibuat di dalam borang cukai pendapatan yang telah dikemukakan kepada Ketua Pengarah. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

h. **Cukai Pegangan Atas Bayaran Kontrak Kepada Bukan Pemastautin - Seksyen 107A(1)(a) dan (1)(b)**

Kadar cukai pegangan yang dikenakan ke atas bayaran kontrak yang diterima oleh kontraktor bukan bermastautin dikurangkan:

- Dari 15% ke 10% daripada bayaran kepada kontraktor bukan bermastautin; dan
- Dari 5% kepada 3% daripada bayaran kepada pekerja kontraktor bukan bermastautin.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 21 September 2002.

i. **Kuasa Meremit Penalti Kerana Gagal Membayar Cukai - Seksyen 108(16)**

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri diberi kuasa menggunakan budi bicara meremit kesemua atau sebahagian daripada penalti yang telah dikenakan kerana lewat atau gagal membayar cukai yang dikenakan di bawah subseksyen 108(7), (9) dan (10). Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001.

j. **Bayaran Balik Di Bawah STS - Seksyen 111(1A) dan (1B)**

Di bawah STS, syarikat yang mengemukakan borang cukai pendapatan mengikut subseksyen 77(1A) dan LHDN dikehendaki membuat bayaran balik kepada syarikat berkenaan, maka:

- Borang cukai pendapatan tersebut adalah dianggap sebagai satu pemberitahuan bayaran balik; dan
- Syarikat berkenaan dianggap sebagai telah diberitahu

mengenai bayaran balik pada hari borang cukai pendapatan dikemukakan.

Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

k. **Kadar Cukai Baru Bagi Syarikat - Seksyen 108(1A) dan Jadual 1 (perenggan 2A Bahagian 1)**

Syarikat yang memiliki modal saham biasa berbayar tidak melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran dikenakan cukai pendapatan pada kadar berikut:

Pendapatan bercukai	Kadar cukai pendapatan
Bagi setiap ringgit yang pertama RM100,000	20%
Bagi setiap ringgit yang melebihi RM100,000	28%

Selaras dengan pindaan tersebut, subseksyen baru 108(1A) memperuntukkan kadar potongan cukai yang dikenakan ke atas dividen yang dibayar, dikredit atau diagihkan oleh syarikat kepada pemegang saham adalah sebanyak 28% walaupun:

- Pendapatan bercukai syarikat bagi tahun taksiran tersebut tidak melebihi RM100,000; dan
- Kadar cukai yang dikenakan adalah 20%.

Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

l. **Kuasa Menteri Kewangan Menentukan Bangunan Sebagai Bangunan Industri - Jadual 3 perenggan 80**

Menteri Kewangan diberi kuasa bagi menentukan:

- Bangunan yang dibina atau dibeli dan digunakan bagi tujuan perniagaan sebagai bangunan industri; dan
- Amaun elaun modal yang layak diberi bagi menggantikan elaun di bawah Jadual 3 perenggan 12, 16 atau 42.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 21 September 2002.

m. **Pindaan Berbangkit Daripada Taksiran Berasaskan Tahun Semasa (STTS) - Jadual 4 subperenggan 2(a) dan Jadual 4A perenggan 3**

Pembayar cukai dibolehkan membuat tuntutan dalam borang cukai pendapatan bagi mendapatkan potongan perbelanjaan atas operasi mencari gali dan potongan perbelanjaan modal atas projek pertanian yang layak, selaras dengan peruntukan di bawah STTS. Pembayar cukai tidak perlu mengemukakan permohonan berasingan untuk membuat tuntutan tersebut. Pindaan ini

Akta, Peraturan, Kaedah Dan Ketetapan Umum

berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2000 berasaskan tahun semasa.

n. Tempoh Permohonan Untuk Mendapatkan Kelulusan – Jadual 4C subperenggan 2(a)

Tempoh permohonan untuk mendapat kelulusan bagi menikmati galakan potongan bagi projek pengeluaran makanan yang akan tamat pada 31 Disember 2003 adalah dilanjutkan kepada 31 Disember 2005. Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 27 Disember 2002.

o. Pampasan Kerana Hilang Pekerjaan - Jadual 6 perenggan 15

Amaun pampasan kerana kehilangan pekerjaan yang dikecualikan daripada cukai pendapatan adalah dinaikkan daripada RM4,000 kepada RM6,000 bagi setiap tahun lengkap perkhidmatan. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

p. Pendapatan Faedah - Jadual 6 perenggan 35

Faedah yang diterima daripada pelaburan dalam:

- i. Sekuriti atau bon yang dijamin oleh Kerajaan; atau
 - ii. Debentur (selain daripada “convertible loan stock”) yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti,
- adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

q. Elaun Pelaburan Semula (EPS) - Jadual 7A

i. Tuntutan galakan – perenggan 2

Pembayar cukai yang melakukan perbelanjaan modal yang layak dan ingin menikmati galakan elaun pelaburan semula, dikehendaki membuat tuntutan dalam borang cukai pendapatan yang dikemukakan. Tempoh galakan selama 15 tahun taksiran berturut-turut adalah bermula daripada tahun taksiran tuntutan pertama dibuat. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

ii. Penternakan ayam atau itik secara sistem ternakan reban tertutup – perenggan 1B dan 11

Bajet 2003 mencadangkan supaya galakan EPS diperluaskan meliputi individu dan perkongsian yang terlibat dalam aktiviti ternakan ayam dan itik yang menukar daripada sistem penternakan secara reban terbuka kepada reban tertutup yang ditentu sahkan oleh Kementerian Pertanian.

Walau bagaimanapun, syarat yang perlu dipatuhi ialah:

- Perniagaan penternakan ayam dan itik telah pun beroperasi untuk tempoh tidak kurang daripada 12 bulan.
- Individu mestilah seorang yang bermastautin dan warga negara Malaysia.
- Perbelanjaan modal telah dilakukan berhubung dengan projek tersebut.

Bagi seseorang yang menukar perniagaannya, syarat tempoh 12 bulan dilonggarkan jika:

- Aktiviti ternakan ayam dan itik di bawah sistem reban tertutup dikekalkan walaupun entiti perniagaan bertukar (contohnya daripada perniagaan persendirian kepada perkongsian atau syarikat).
- Pemilik entiti perniagaan pertama mesti terus menjadi pemilik atau tuan punya entiti perniagaan seterusnya.

Perniagaan adalah dianggap bermula dari tarikh perniagaan pertama mula dijalankan. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

2. Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2002 (Akta A1151)

Peruntukan Peralihan Daripada Sistem Formal Kepada Sistem Taksir Sendiri.

a. Pengiraan Pendapatan Bagi Baki Tempoh Selepas 12 Bulan - Seksyen 30(3)

Sebahagian daripada potongan bagi individu cacat (Seksyen 46(1)(e)) dan pelepasan suami (Seksyen 45A) juga dibenarkan dalam menentukan pendapatan bercukai bagi baki tempoh bulan yang melebihi 12 bulan. Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2003 sahaja.

b. Rebat Cukai Bagi Baki Tempoh Selepas 12 Bulan - Seksyen 31

Rebat cukai tambahan (Seksyen 6A) mengikut nisbah pendapatan bercukai dibenarkan bagi baki tempoh bulan yang melebihi 12 bulan jika sekiranya jumlah pendapatan bercukai dalam tempoh tersebut tidak melebihi RM35,000. Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2003 sahaja.

3. Akta Setem 1949 (Akta 378)

a. Penalti Lewat Meremitkan Duti Setem - Seksyen 9 (1)(c)

Bajet 2003 mencadangkan penalti yang dikenakan atas “banker”, “dealer” atau penanggung insurans yang lewat

Akta, Peraturan, Kaedah Dan Ketetapan Umum

meremitkan bayaran duti setem yang dipungut ke atas cek, nota kontrak atau polisi insurans daripada pengguna ke LHDN adalah dipinda. Kadar penalti adalah dikurangkan daripada RM500 atau 10% kepada RM200 atau 10% atas amaun kena bayar, yang mana lebih tinggi. Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2003.

- b. **Penalti Lewat Membuat Penyeteman - Seksyen 47A**
Penalti kerana lewat atau gagal menyetemkan dokumen adalah dipinda seperti berikut:

Tempoh	Kadar Penalti	
	Asal	Selepas Pindaan
Kurang dari 3 bulan	RM25 atau 50% daripada duti belum bayar, yang mana lebih tinggi.	RM25 atau 5% daripada duti belum bayar, yang mana lebih tinggi.
3 hingga 6 bulan	RM50 atau 100% daripada duti belum bayar, yang mana lebih tinggi.	RM50 atau 10% daripada duti belum bayar, yang mana lebih tinggi.
Lebih dari 6 bulan	RM100 atau 200% daripada duti belum bayar, yang mana lebih tinggi.	RM100 atau 20% daripada duti belum bayar, yang mana lebih tinggi.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2003.

- c. **Kadar Duti Bagi Perjanjian Pajak Harta Tak Alih – Jadual Pertama Butiran 22(5) dan 49(a)**

Duti setem bagi surat cara atau perjanjian pajak harta tak alih yang mengandungi caj perkhidmatan dikenakan dua duti yang berasingan, iaitu:

- Perjanjian pajak dikenakan duti di bawah butiran 49(a), dan
- Terma perkhidmatan dikenakan duti di bawah butiran 22(1)(a) pada kadar duti yang ditetapkan di bawah Jadual Pertama butiran 27(a)(ii).

Bajet 2003 telah mencadangkan, perjanjian pajak harta tak alih yang mengandungi caj perkhidmatan (contoh: perkhidmatan pembersihan dan keselamatan) dikenakan satu duti sahaja iaitu di bawah butiran 49(a).

Di mana purata sewa yang dikira untuk setahun:

- Tidak melebihi RM2,400 – tiada duti dikenakan.
- Bagi setiap RM250 atau bahagian yang melebihi RM2,400
 - RM1.00 jika tempoh pajak tidak melebihi setahun.

- RM2.00 jika tempoh pajak melebihi setahun tetapi tidak melebihi tiga tahun.
- RM4.00 jika tempoh pajak melebihi tiga tahun.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2003.

4. Akta Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 (LOBATA)

- a. **Layanan Cukai Atas Perkongsian Terhad Luar Pesisir Labuan dan Bank Luar Pesisir Malaysia - Seksyen 2(1)**

Bajet 2003 mencadangkan definisi syarikat luar pesisir adalah dipinda merangkumi bank luar pesisir Malaysia berlesen dan perkongsian terhad luar pesisir. "Bank luar pesisir Malaysia berlesen" mempunyai erti seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Bank Luar Pesisir 1990 dan "perkongsian terhad luar pesisir" seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Perkongsian Terhad Luar Pesisir Labuan 1997. Pendapatan daripada aktiviti luar pesisir bagi kedua-dua entiti tersebut ditaksir dan dikenakan cukai di bawah LOBATA. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2004.

- b. **Pengecualian Oleh Menteri - Seksyen 26**

Menteri Kewangan diberi kuasa untuk mengecualikan mana-mana syarikat luar pesisir daripada mana-mana peruntukan dalam LOBATA. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2004.

5. Peraturan Dan Kaedah Cukai Pendapatan

Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan

- a. **Perbelanjaan Modal Bagi Tujuan Penjimatan Tenaga Untuk Perniagaan – P.U. (A) 349**

Syarikat yang melakukan perbelanjaan modal loji atau jentera yang digunakan secara eksklusif bagi penjimatan tenaga untuk perniagaannya (disahkan oleh Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia) dibenarkan tuntutan potongan bagi Elaun Modal Dipercepatkan selama 1 tahun (40% untuk elaun permulaan dan 60% untuk elaun tahunan). Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

- b. **Perbelanjaan Atas Pelan Induk Ekonomi Berasaskan Pengetahuan – belum diwartakan**

Syarikat yang melakukan perbelanjaan modal bagi mendraf pelan induk ekonomi berasaskan pengetahuan (*Corporate K-Based Economy Master Plan*) dibenarkan sebagai potongan dalam pengiraan cukai pendapatan.

Akta, Peraturan, Kaedah Dan Ketetapan Umum

Pelan induk ekonomi tersebut mesti mengandungi maklumat berikut:

- i. Langkah yang perlu diambil supaya aktiviti beraskan ilmu pengetahuan yang tinggi; dan
- ii. Anggaran kos yang akan dilakukan oleh syarikat dalam melaksanakan rancangan / langkah dalam pelan.

Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

c. **Penerbitan Sekuriti Hutang Swasta Mengikut Prinsip Islam (Islamic private debt securities) – P.U. (A) 107**

Perbelanjaan penerbitan sekuriti hutang swasta mengikut prinsip Islam (prinsip mudharabah, musarakah dan ijarah) diberi potongan dalam pengiraan cukai pendapatan selama 5 tahun, mulai tahun taksiran 2003 hingga tahun taksiran 2007 (pada kadar 20% setahun). Perbelanjaan penerbitan sekuriti adalah seperti perbelanjaan pendaftaran, guaman, penyediaan prospektus, pasaran, promosi dan lain-lain yang berkaitan. Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

d. **Potongan Bagi Penggalakan Eksport Perkhidmatan Profesional – P.U. (A) 124**

Galakan potongan dua kali bagi perbelanjaan penggalakan eksport diperluaskan kepada perkhidmatan profesional yang dijalankan oleh individu atau perkongsian. Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

e. **Kos Mengambil Alih Syarikat Milik Asing – P.U. (A) 310**

Syarikat milik tempatan yang telah mengambil alih syarikat milik asing dibenarkan potongan elaun tahunan sebanyak 20% daripada kos pengambilalihan syarikat milik asing berkenaan selama 5 tahun. “Mengambil alih syarikat milik asing” ertinya mengambil alih suatu syarikat milik asing yang terletak di luar Malaysia bagi tujuan memperoleh teknologi tinggi bagi:

- Pengeluaran dalam negara; atau
- Memperoleh pasaran eksport baru bagi keluaran tempatan sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia.

Kaedah ini berkuat kuasa pada 21 September 2002.

f. **Pusat Penjagaan Orang Tua – P.U. (A) 143**

Bangunan yang digunakan sebagai pusat penjagaan orang tua yang diluluskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat layak diberi elaun bangunan industri. Amaun elaun yang layak adalah bersamaan dengan 10%

perbelanjaan modal yang dilakukan berhubung dengan kos pembinaan atau pembelian bangunan selama 10 tahun. Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

g. **Penukaran Kepada Penanaman Pokok Kayu Getah – belum diwartakan**

Syarikat perladangan yang menukar kepada tanaman pokok kayu getah diberi elaun 100% atas perbelanjaan modal yang dilakukan dalam menyediakan kawasan, menanam dan menyelenggarakan tanaman. Galakan diberi dengan syarat syarikat menanam sekurang-kurangnya 10% daripada keluasan ladang dengan pokok kayu getah. Kaedah ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Perusahaan Utama mulai 21 September 2002.

h. **Penyatuan Pengurusan Kebun Kecil Dan Tanah Terbiar – belum diwartakan**

Syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiari yang terlibat dalam aktiviti penyatuan pengurusan (diluluskan oleh Kementerian Perusahaan Utama) kebun kecil atau tanah terbiar diberi potongan dalam pengiraan pendapatan larasan bersamaan dengan jumlah pelaburan yang dibuat. Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

Perintah Cukai Pendapatan

a. **Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan – P.U. (A) 72**

Galakan yang diberi di bawah projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan di bawah Jadual 4C diperluaskan kepada aktiviti perikanan laut dalam. Galakan yang diberi adalah sama dengan galakan yang diberi kepada syarikat yang terlibat dalam pelaburan dalam projek pengeluaran bahan makanan. Perintah ini berkuat kuasa pada 21 September 2002.

b. **Pusat Penedaran Serantau – belum diwartakan**

Pendapatan statutori yang diperoleh oleh pusat pendedaran serantau adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan sepenuhnya selama 10 tahun. Manakala dividen yang diagihkan daripada pendapatan yang dikecualikan cukai itu diberi pengecualian cukai di peringkat pemegang saham. Galakan ini diberi jika pusat pendedaran serantau memenuhi syarat berikut:

- i. Diluluskan oleh Menteri Kewangan;
- ii. Berlokasi di zon bebas, gudang berlesen atau gudang pengilangan berlesen; dan

Akta, Peraturan, Kaedah Dan Ketetapan Umum

- iii. Tidak dibenarkan menjual lebih daripada 20% daripada barangan edaran ke pasaran tempatan.

Perintah ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh MIDA mulai 21 September 2002.

c. **Penggajian Dengan Syarikat Ibu Pejabat Operasi Atau Pejabat Serantau – P.U. (A) 382**

Individu bukan warganegara dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan berkenaan dengan punca pendapatan yang diperoleh daripada suatu penggajian yang dijalankan di luar Malaysia, dengan syarikat ibu pejabat operasi atau pejabat serantau. Perintah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003.

Perintah Pengecualian / Peremitan Duti Setem

a. **Duti Setem Surat Cara Pembiayaan Perbankan Islam Di bawah Undang-Undang Syariah - P. U. (A) 432 dan 433**

Surat cara yang disempurnakan di bawah prinsip undang-undang Syariah bagi:

- Perjanjian penjualan aset dan perjanjian pembelian aset bagi maksud pembaharuan kemudahan pembiayaan pusingan secara Islam yang sedia ada (yang telah disetem dengan sewajarnya) dikecualikan daripada duti setem.
- Perjanjian penjualan aset yang disempurnakan bagi maksud penjadualan semula atau penyusunan semula mana-mana kemudahan pembiayaan secara Islam yang sedia ada (yang telah disetem dengan sewajarnya) diremitkan setakat duti yang kena dibayar atas baki amaun prinsipal.

Perintah ini mula berkuat kuasa pada 21 September 2002.

b. **Duti Setem Surat Cara Pindah Milik Harta Tanah Antara Keluarga Terdekat - P.U. (A) 434**

Duti setem ke atas surat cara pindah hak milik ke atas

harta tak alih tanpa balasan atas dasar kasih sayang diremitkan sebanyak 50% untuk transaksi berikut:

- i. Daripada suami kepada isteri;
- ii. Daripada isteri kepada suami;
- iii. Daripada ibu dan / atau bapa kepada anak*; dan
- iv. Daripada anak kepada ibu dan / atau bapa.

* Bagi tujuan ini, anak adalah bermaksud anak yang sah taraf, anak tiri atau anak yang diambil menjadi anak angkat mengikut mana-mana undang-undang. Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2003.

6. Ketetapan Umum

Bagi menjelaskan interpretasi, pegangan dan amalan LHDN terhadap peruntukan undang-undang, LHDN mengeluarkan ketetapan umum dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun ketetapan umum ini hanya sebagai panduan kepada pembayar dan pengamal cukai, bagaimana sesuatu peruntukan undang-undang diberi layanan cukai dan tidak terikat kepada mana-mana pembayar cukai. Sepanjang tahun 2002, LHDN telah mengeluarkan dua Ketetapan Umum untuk Akta Cukai Pendapatan 1967, iaitu:

a. **Hutang Lapuk dan Hutang Ragu Dan Layanan Ke Atas Pemulihan - Ketetapan Umum 1/2002**

Ketetapan ini diguna pakai berhubung dengan potongan untuk hutang lapuk dan hutang ragu di bawah seksyen 34 dan layanan ke atas pemulihan di bawah seksyen 30 ACP 1967. Ketetapan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2002.

b. **Perbelanjaan Pra Operasi dan Pra Permulaan - Ketetapan Umum 2/2002**

Ketetapan ini menerangkan perbelanjaan pra operasi dan pra permulaan perniagaan yang boleh dibenarkan sebagai potongan dalam pengiraan pendapatan bercukai bagi syarikat.

A. RAYUAN CUKAI DI PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN (PKCP)

BIL.	NAMA KES	ISU	KEDUDUKAN / ULASAN
1.	H.S.M.S.	Sama ada perbelanjaan guaman boleh diberi potongan di bawah seksyen 33 Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967.	Pembayar cukai menarik balik rayuannya.
2.	L.E. Sdn. Bhd.	Sama ada yuran pengurusan yang dibayar kepada syarikat induk tertakluk kepada subseksyen 4A(ii) dan oleh itu seksyen 109B ACP 1967 terpakai.	Kedua-dua pihak mencapai persetujuan di bawah seksyen 102(5)(a) ACP 1967.
3.	Z. Sdn. Bhd.	Sama ada kos beg kanvas yang dituntut oleh pembayar cukai boleh diberi potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP 1967 atau merupakan perbelanjaan yang tidak dibenarkan mengikut peruntukan perenggan 39(1)(l) Akta yang sama.	Kedua-dua pihak mencapai persetujuan di bawah seksyen 102(5)(a) ACP 1967.
4.	G.I. Sdn. Bhd.	Sama ada harga pelupusan harta tanah yang terkandung dalam perjanjian jual beli boleh digantikan dengan nilai pasaran jika terdapat perbezaan besar di antara harga yang dilaporkan dengan nilai pasaran yang ditetapkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.	Pembayar cukai menarik balik rayuan.
5.	A.R.A.H./M.E.H./M.R.A.R.	Sama ada pembayar cukai bertindak sebagai penama untuk penerima serah haknya semasa menandatangani perjanjian jual beli untuk membeli harta tanah daripada pemaju.	Kedua-dua pihak mencapai persetujuan di bawah seksyen 102(5)(a) ACP 1967.
6.	T.L. Sdn. Bhd.	Sama ada formula pembahagian perbelanjaan bersama adalah berdasarkan kepada pendapatan kasar ataupun pendapatan faedah sahaja.	Rayuan pembayar cukai dibenarkan. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi.
7.	I.G.B.C. Sdn. Bhd.	- Sama ada fee untuk jaminan bank boleh diberi potongan di bawah seksyen 32 ACP 1967. - Sama ada perbelanjaan faedah perlu dibahagikan antara pendapatan yang dikecualikan atau pendapatan yang tidak dikecualikan.	Kes belum ditetapkan untuk perbicaraan.
8.	K.T.N. Sdn. Bhd.	- Sama ada bayaran premium daripada pajakan dikenakan cukai di bawah ACP 1967 atau Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah (ACKHT) 1976. - Sama ada penalti di bawah seksyen 113 ACP 1967 boleh dikenakan ke atas pembayar cukai.	Rayuan pembayar cukai di tolak. Premium dan penalti boleh dikenakan.
9.	H.M.H.	Sama ada pelupusan oleh pembayar cukai patut dikenakan cukai di bawah ACKHT 1976.	Ditetapkan untuk "oral submission" pada 23.1.2003.
10.	R.S.C.	Sama ada komisen yang diterima daripada gerai makan kepada ahli kelab dan tetamu merupakan pendapatan perniagaan.	Pembayar cukai menarik balik rayuan.

A. RAYUAN CUKAI DI PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN (PKCP)

BIL.	NAMA KES	ISU	KEDUDUKAN / ULASAN
11.	M.D.Y.	- Sama ada pelupus syer oleh pemabayar cukai layak dikenakan cukai di bawah perenggan 34A Jadual 2 ACKHT 1976. - Sama ada harga pemerolehan yang ditentukan oleh penilai kerajaan adalah betul.	Kes ditetapkan untuk keputusan pada 18.2.2003.
12.	S.L.G.L.	Sama ada pembayar cukai merupakan pemastautin untuk tahun taksiran 2000 selaras dengan seksyen 7(1)(b) ACP 1967.	Rayuan pembayar cukai ditolak. Tiada rayuan selanjutnya dibuat oleh pembayar cukai.
13.	M.S.D.	- Sama ada pelupusan syer oleh pembayar cukai layak dikenakan cukai di bawah perenggan 34A Jadual 2 ACKHT 1976. - Sama ada harga pemerolehan yang ditentukan oleh penilai kerajaan adalah betul.	Kes ditetapkan untuk sebutan pada 27.2.2003.
14.	F.H. Sdn. Bhd.	- Sama ada taksiran untuk tahun taksiran 1990 dan 1991 dibangkitkan di luar had masa yang ditetapkan di bawah subseksyen 91(1) ACP 1967. - Sama ada notis taksiran untuk tahun taksiran berkenaan telah diserahkan dalam jangka masa yang munasabah mengikut subseksyen 96(1) ACP 1967.	Rayuan pembayar cukai ditolak. Tiada rayuan selanjutnya dibuat oleh pembayar cukai.
15.	M.U.I. Berhad	Sama ada nilai pasaran yang ditetapkan oleh penilai kerajaan atau penilai swasta digunakan sebagai nilai tertentu (<i>defined value</i>) bagi tujuan pengiraan harga pemerolehan kerajaan.	Kedua-dua belah pihak mencapai persetujuan di bawah seksyen 102(5)(a) ACP 1967.
16.	A.T. Sdn. Bhd.	Sama ada keuntungan daripada pelupusan harta tanah di lot tanah di Mukim Plentong, Johor adalah pendapatan perniagaan yang boleh dikenakan cukai di bawah seksyen 4(a) ACP 1967 ataupun ianya pelupusan modal yang boleh dikenakan cukai keuntungan harta tanah di bawah ACKHT 1976.	PKCP memutuskan pelupusan tertakluk kepada ACP 1967. Pembayar cukai telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi.
17.	H.P. Sdn. Bhd.	- Sama ada kegagalan untuk melapur pelupusan aset yang dinyatakan di bawah seksyen 29(3) ACKHT 1976 hanya bermaksud kegagalan untuk membuat sebarang laporan atau meliputi juga kegagalan untuk membuat laporan dalam tempoh yang diwajibkan. - Sama ada penalti di bawah seksyen 29(3) ACKHT 1976 atau kompaun di bawah seksyen 40 ACKHT 1976 dikenakan ke atas pembayar cukai. Pembayar cukai bukannya gagal melaporkan pelupusan aset tetapi hanya lewat 4 bulan dalam membuat laporan. - Sama ada pembayar cukai sepatutnya hanya boleh dikenakan kompaun maksimum sebanyak RM5,000.00 di bawah seksyen 40(1) ACKHT 1976.	Rayuan pembayar cukai dibenarkan. KPHDN telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi.

A. RAYUAN CUKAI DI PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN (PKCP)

BIL.	NAMA KES	ISU	KEDUDUKAN / ULASAN
18.	W Sdn. Bhd.	Sama ada perbelanjaan seperti faedah atas pinjaman dan cukai tanah yang dibayar sebelum perniagaan wujud (punca pendapatan sewa) boleh diberi potongan di bawah seksyen 33 ACP 1967.	Pembayar cukai menarik balik rayuan.
19.	T.T.K.	Sama ada harga pelupusan syer, hutang atau tanggungan syarikat boleh diberi potongan.	Kes telah ditetapkan untuk keputusan pada 18.2.2003.
20.	K.S.A.S Berhad	Sama ada pelupusan harta tanah tertakluk kepada seksyen 4(a) ACP 1967 atau ACKHT 1976.	Perbicaraan belum selesai. Kedua belah pihak sedang membuat penghujahan.
21.	Y.R. Sdn. Bhd.	Penentuan tarikh permulaan perniagaan bagi pemaju perumahan.	Rayuan pembayar cukai dibenarkan. Tiada rayuan selanjutnya dibuat oleh KPHDN.
22.	P .B. Sdn. Bhd. .	- Sama ada KPHDN mempunyai kuasa di bawah para 11(2)(c) Jadual 2 ACKHT 1976 untuk menolak harga pelupusan yang dipersetujui oleh penjual dan pembeli dalam perjanjian jual beli. Walaupun pelupusan dibuat secara transaksi mengikut 'arms length'. - Sama ada harga pelupusan yang digunapakai oleh KPHDN betul.	Kes telah dibicara pada 25-26.11.2002. Sambung bicara ditetapkan pada 27.2.2003 dan 25.3.2002 hingga 27.3.2003.
23.	C.G.L.C. Sdn. Bhd.	Sama ada pelupusan harta tanah tertakluk kepada seksyen 4(a) ACP 1967 atau ACKHT 1976.	Rayuan pembayar cukai dibenarkan.
24.	S.A. Sdn. Bhd.	- Sama ada harga pelupusan tanah adalah harga jualan atau nilai pasaran aset. - Sama ada bayaran komisen yang tidak disokong dengan bukti bayaran boleh dibenarkan sebagai suatu perbelanjaan.	Kes ditetapkan untuk sebutan pada 24.2.2003.
25.	P.K.E.I.N.J.	Sama ada keuntungan daripada konsesi pembalakan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada pembayar cukai merupakan hasil atau modal.	Kes di peringkat penghujahan.
26.	G.A.C (G.C.S.)	Sama ada 'ratio certificate' yang dikemukakan oleh pembayar cukai merupakan 'acceptable certificate' seperti diperuntukan oleh seksyen 54(4) ACP 1967.	Kedua-dua belah pihak mencapai persetujuan di bawah seksyen 102(5)(a) ACP 1967.
27.	H.L.I. Sdn. Bhd.	Sama ada dividen dan faedah yang diterima adalah daripada satu punca pendapatan.	Kes ditangguhkan sementara menunggu keputusan kes Multi Purpose Sdn. Bhd.
28.	A.H. Sdn. Bhd.	Sama ada dividen dan faedah yang diterima adalah daripada satu punca pendapatan.	Rayuan pembayar cukai dibenarkan. Rayuan lanjut telah difailkan ke Mahkamah Tinggi oleh KPHDN.

A. RAYUAN CUKAI DI PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN (PKCP)

BIL.	NAMA KES	ISU	KEDUDUKAN / ULASAN
29.	B.A.N.A.	Sama ada harga pelupusan yang digunapakai oleh KPHDN betul.	Kedua-dua belah pihak mencapai persetujuan di bawah seksyen 102(5)(a) ACP 1967.
30.	A.M.D. Sdn. Bhd.	Sama ada dividen dan faedah yang diterima adalah punca pendapatan.	Kes ditangguhkan sementara menunggu keputusan kes Multi Purpose Sdn. Bhd.
31.	Y. M. Sdn. Bhd.	Sama ada perbelanjaan yang dilakukan ke atas "loose tools" sebanyak RM622,000.00 dalam tahun pertama permulaan perniagaan boleh dibenarkan sebagai suatu potongan di bawah perenggan 33(1)(c) ACP 1967.	Rayuan pembayar cukai ditolak. Tiada rayuan lanjut dibuat oleh pembayar cukai.
32.	U.Z.M.	Sama ada keuntungan daripada konsesi pembalakan merupakan keuntungan hasil atau modal.	Rayuan pembayar cukai ditolak. Tiada rayuan lanjut dibuat oleh pembayar cukai.
33.	A.M.C. Sdn. Bhd.	- Sama ada perbelanjaan berbentuk tiket / percutian percuma ke luar negara yang dibelanjakan oleh pembayar cukai adalah perbelanjaan yang dibenarkan di bawah seksyen 33(1) ACP 1967. - Sama ada perbelanjaan tersebut tidak dibenarkan di bawah seksyen 39(1)(f) ACP 1967.	Rayuan pembayar cukai ditolak. Pembayar cukai telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi.

B. RAYUAN CUKAI DI MAHKAMAH TINGGI

BIL.	NAMA KES	ISU	KEDUDUKAN / ULASAN
1.	S.P.C.S. Sdn Bhd	Sama ada pembayar cukai layak mendapat kredit cukai pelaburan di bawah seksyen 26(1) Akta Penggalakan Pelaburan 1968 bagi tahun taksiran 1985 atas perbelanjaan modal yang dilakukan sebelum perniagaan dimulakan.	Mahkamah Tinggi memutuskan pembayar cukai tidak layak mendapat kredit cukai. Tiada rayuan selanjutnya dibuat oleh pembayar cukai.
2.	E.P. M. Inc	- Sama ada cukai pegangan yang diremit kepada KPHDN dibenarkan sebagai suatu potongan. - Sama ada semua 'service charges' yang dikenakan kepada perayu oleh 'affiliates' termasuk di bawah seksyen 4A Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. - Sama ada kos penyusunan semula ibu pejabat boleh diberi potongan di bawah seksyen 15(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. - Sama ada KPHDN dihalang daripada membangkitkan taksiran di bawah seksyen 39 Akta yang sama.	Kes di peringkat penghujahan.
3.	P.K.E.N.J.	Sama ada derma di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 perlu dibahagikan antara pendapatan yang dikenakan cukai dengan pendapatan yang tidak dikenakan cukai.	Rayuan Pembayar Cukai dibenarkan. Mahkamah memutuskan bahawa KPHDN tiada kuasa di bawah ACP 1967 untuk membuat pembahagian. KPHDN membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan.
4.	M.H. Sdn. Bhd.	Sama ada keuntungan daripada penjualan harta tanah patut dikenakan cukai pendapatan atau cukai keuntungan harta tanah.	Kedua-dua belah pihak mencapai persetujuan di bawah perenggan 102(5)(a) ACP 1967.
5.	S. L. Sdn. Bhd.	Sama ada kaedah pembahagian "common expenses" yang dibuat oleh KPHDN betul di sisi undang-undang.	Kes ditangguhkan sementara menanti keputusan kes Daya Leasing Sdn. Bhd.
6.	O.K.B.	Sama ada wang sejumlah RM3.7 juta yang diperoleh oleh pembayar cukai adalah komisen terhadap perkhidmatan yang diberikan.	Kes ditetapkan untuk sambung bicara pada 27.3.2003.
7.	F. Sdn. Bhd.	Sama ada fee untuk jaminan bank boleh diberi potongan di bawah seksyen 33 ACP 1967.	Rayuan pembayar cukai dibenarkan. KPHDN memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan.

C. RAYUAN CUKAI DI MAHKAMAH RAYUAN

BIL.	NAMA KES	ISU	KEDUDUKAN / ULASAN
1.	P.S. Sdn. Bhd.	Sama ada keuntungan daripada penjualan saham adalah suatu pendapatan perniagaan atau realisasi pelaburan.	Rayuan pembayar cukai ditolak.
2.	G.P.A. Sdn. Bhd.	Sama ada pembayar cukai layak mendapat pengecualian di bawah seksyen 15(a) Akta Setem 1949.	Sedang menunggu keputusan Mahkamah Rayuan.
3.	P.C.E.O. Sdn. Bhd.	Sama ada aktiviti menyimpan wang dalam simpanan jangka panjang dan aktiviti jangka pendek (FD) dianggap sebagai pendapatan perniagaan di bawah seksyen 4(a) ACP 1967.	Rayuan KPHDN ditolak.
4.	L.L.H. Sdn. Bhd.	Sama ada tuntutan cukai mempunyai keutamaan apabila syarikat dalam penerimaan.	Sedang menunggu keputusan Mahkamah Rayuan.
5.	C. Sdn. Bhd.	Sama ada perbelanjaan yang dilakukan oleh pembayar cukai adalah perbelanjaan hiburan dan tertakluk di bawah seksyen 39(1)(l) ACP 1967.	Kes telah ditetapkan untuk sambung bicara ke satu tarikh yang akan ditetapkan kelak.
6.	P.R. Sdn. Bhd.	Sama ada keuntungan dari pampasan yang diterima dalam pengambilan sebahagian tanah oleh kerajaan adalah keuntungan yang timbul dari aktiviti perniagaan.	Kes masih belum ditetapkan untuk perbicaraan.
7.	G.D.P.D.F. Sdn. Bhd.	Sama ada hasil yang diterima daripada penyewaan bangunan kilang adalah pendapatan suatu perniagaan di bawah seksyen 4(a) atau pendapatan sewaan di bawah perenggan 4(d) ACP 1967.	Pembayar cukai menarik balik rayuan.

Direktori / Directory

pada / as at 1.1.2004

IBU PEJABAT / HEADQUARTERS**PEJABAT KETUA EKSEKUTIF
CHIEF EXECUTIVE'S OFFICE**

Tingkat 15, Blok 9
Kompleks Bangunan Kerajaan
Peti Surat 11833
50758 Kuala Lumpur.
Tel : 03-62091000
Faks : 03-62013798

**AKADEMI PERCUKAIAN NEGARA
NATIONAL TAX ACADEMY**

Persiaran Wawasan
43650 Bandar Baru Bangi
Selangor.
Tel : 03-89255611, 89257080
Faks : 03-89257299

**JABATAN CUKAI ANTARABANGSA
INTERNATIONAL TAX DEPARTMENT**

Tingkat 3, Blok 9
Kompleks Bangunan Kerajaan
Peti Surat 11833
50758 Kuala Lumpur.
Tel : 03-62091000
Faks : 03-62019884

**JABATAN HARTA
PROPERTY DEPARTMENT**

Tingkat 2, Blok 9
Kompleks Bangunan Kerajaan
Peti Surat 11833
50758 Kuala Lumpur.
Tel : 03-62091000
Faks : 03-62014617

**JABATAN KEWANGAN
FINANCE DEPARTMENT**

Tingkat 5, Blok 9
Kompleks Bangunan Kerajaan
Peti Surat 11833
50758 Kuala Lumpur.
Tel : 03-62091000
Faks : 03-62013894

**JABATAN NAZIRAN
INSPECTORATE DEPARTMENT**

Tingkat 11, Blok 9
Kompleks Bangunan Kerajaan
Peti Surat 11833
50758 Kuala Lumpur
Tel : 03-62091000
Faks : 03-62031859

**JABATAN PEMATUHAN
COMPLIANCE DEPARTMENT**

Tingkat 7, Blok 9
Kompleks Bangunan Kerajaan
Peti Surat 11833
50758 Kuala Lumpur.
Tel : 03-62091000
Faks : 03-62015697

**JABATAN PENGURUSAN HASIL
REVENUE MANAGEMENT
DEPARTMENT**

Tingkat 13, Blok 9
Kompleks Bangunan Kerajaan,
Peti Surat 11833
50758 Kuala Lumpur.
Tel : 03-62091000
Faks : 03-62018891

**JABATAN PENTADBIRAN
ADMINISTRATION DEPARTMENT**

Tingkat 14, Blok 9
Kompleks Bangunan Kerajaan
Peti Surat 11833
50758 Kuala Lumpur.
Tel : 03-62091000
Faks : 03-62031675

**JABATAN TEKNIKAL
TECHNICAL DEPARTMENT**

Tingkat 12, Blok 9
Kompleks Bangunan Kerajaan
Peti Surat 11833
50758 Kuala Lumpur.
Tel : 03-62091000
Faks : 03-62010905

**JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
INFORMATION TECHNOLOGY
DEPARTMENT**

Tingkat 12 & 13, Blok 11
Kompleks Bangunan Kerajaan
Peti Surat 11833
50758 Kuala Lumpur.
Tel : 03-62091000
Faks : 03-62010705

**JABATAN SIASATAN
INVESTIGATION DEPARTMENT**

Tingkat 14, Blok 11
Kompleks Bangunan Kerajaan
Peti Surat 11833
50758 Kuala Lumpur.
Tel : 03-62091000
Faks : 03-62013170

**JABATAN UNDANG-UNDANG
LEGAL DEPARTMENT**

Tingkat 9, Blok 9
Kompleks Bangunan Kerajaan
Peti Surat 11833
50758 Kuala Lumpur.
Tel : 03-62091000
Faks : 03-62013202

**BAHAGIAN KHIDMAT KORPORAT
CORPORATE SERVICES DIVISION**

Tingkat 10, Blok 9
Kompleks Bangunan Kerajaan
Peti Surat 11833
50758 Kuala Lumpur.
Tel : 03-62091000
Faks : 03-62016752

**BAHAGIAN PENYELIDIKAN &
PEMBANGUNAN
RESEARCH & DEVELOPMENT
DIVISION**

Tingkat 10, Blok 9
Kompleks Bangunan Kerajaan
Peti Surat 11833
50758 Kuala Lumpur.
Tel : 03-62091000
Faks : 03-62031381

**UNIT PERHUBUNGAN AWAM
PUBLIC RELATIONS UNIT**

Tingkat 10, Blok 9
Kompleks Bangunan Kerajaan
Peti Surat 11833
50758 Kuala Lumpur.
Tel : 03-62031380
Faks : 03-62012434

**UNIT TRANSFORMASI
TRANSFORMATION UNIT**

Tingkat 15, Blok 9
Kompleks Bangunan Kerajaan
Peti Surat 11833
50758 Kuala Lumpur.
Tel : 03-62091000
Faks : 03-62012245

Direktori / Directory

pada / as at 1.1.2004

CAWANGAN / PUSAT PENYIASATAN & PERISIKAN / BRANCHES / INVESTIGATION & INTELLIGENCE CENTRES**JOHOR****Pejabat Pengarah Negeri Johor**

Tingkat 6, Bangunan Menara Jati
No. 1, Jalan Padi Emas 1
Bandar Baru Uda
81200 Johor Bahru, Johor.
Tel : 07 - 2323603
Faks : 07 - 2325605

Cawangan Johor Bahru

Tingkat 1 - 8, Bangunan Menara Jati
No.1, Jalan Padi Emas 1, Bandar Baru Uda
81200 Tampoi, Johor Bahru, Johor.
Tel : 07-2359510 (10 talian)
Faks : 07-2359524

**Pusat Penyiasatan & Perisikan
Johor Bahru**

Tingkat 7, Bangunan Menara Jati
No.1, Jalan Padi Emas 1, Bandar Baru Uda
81200 Tampoi, Johor Bahru, Johor.
Tel : 07-2387792, 2381462, 2351973
Faks : 07-2359557

Cawangan Kluang

Tingkat 2 - 7, Wisma Bunga
No.11, Jalan Lambak
Karung Berkunci 523
86009 Kluang, Johor.
Tel : 07-7724644, 7724645, 7723098
Faks : 07-7723133

Pusat Penyiasatan & Perisikan Kluang

Tingkat 2, Bangunan Kerajaan
Peti Surat 104, Jln. Pejabat Kerajaan
86007 Kluang, Johor.
Tel : 07-7724484, 7724482
Faks : 07-7714404

Cawangan Muar

Wisma Tiam Lock
19-4, Jalan Sungai Abong
84000 Muar, Johor.
Tel : 06-9527000, 9523880
Faks : 06-9536814

KEDAH**Cawangan Alor Setar**

Wisma Yasmin, No. 1072-A
Jalan Teluk Wan Jah
05200 Alor Setar, Kedah.
Tel : 04-7319002, 7319684
Faks : 04-7329841

**Pusat Penyiasatan & Perisikan
Alor Setar**

Tingkat 7 dan 8, Wisma Persekutuan
Jalan Kampung Baru, Peti Surat 88
05710 Alor Setar, Kedah.
Tel : 04-7322400, 7322060
Faks : 04-7340642

Cawangan Sungai Petani

Kompleks S.P. Plaza
Tingkat 4 -10, Jalan Ibrahim
08000 Sungai Petani, Kedah.
Tel : 04-4235677
Faks : 04-4231905

KELANTAN**Cawangan Kota Bharu**

Wisma Hasil
Jalan Sultanah Zainab
15600 Kota Bharu, Kelantan.
Tel : 09-7482103, 7487109
Faks : 09-7487131

**Pusat Penyiasatan & Perisikan
Kota Bharu**

Wisma Hasil
Jalan Sultanah Zainab
15600 Kota Bharu, Kelantan.
Tel : 09-7487201, 7487205
Faks : 09-7477303

MELAKA**Cawangan Melaka**

Tingkat 5-9
Graha Maju,
Jalan Graha Maju
75990 Melaka.
Tel : 06-2821099, 2821925
Faks : 06-2841181

Pusat Penyiasatan & Perisikan Melaka

Tingkat 8
Graha Maju
Jalan Graha Maju, Peti Surat 45
75990 Melaka.
Tel : 06-2821099
Faks : 06-2812026

NEGERI SEMBILAN**Cawangan Seremban**

Wisma Hasil, Lot 461-465
Jalan Tuanku Munawir
70600 Seremban, Negeri Sembilan.
Tel : 06-7638850
Faks : 06-7625339

**Pusat Penyiasatan & Perisikan
Seremban**

Wisma Hasil, Lot 461 - 465
Jalan Tuanku Munawir
70600 Seremban, Negeri Sembilan.
Tel : 06-7638850
Faks : 06-7646842

PAHANG**Cawangan Kuantan**

Tingkat 4 - 7
Bangunan Kuantan Centre Point
Jalan Haji Abdul Rahman
25000 Kuantan, Pahang.
Tel : 09-5163000, 5112185, 5112187
Faks : 09-5142067

**Pusat Penyiasatan & Perisikan
Kuantan**

Tingkat 7,
Bangunan Kuantan Centre Point
Jalan Haji Abdul Rahman
25000 Kuantan, Pahang.
Tel : 09-5133669, 5132782
Faks : 09-5145516

Cawangan Raub

No. 5-9
Taman Permai, Jalan Tras
27600 Raub, Pahang.
Tel : 09-3558502, 3558509
Faks : 09-3558501

Cawangan Temerloh

No. 16-30, Jalan Pak Sako 3
Bandar Seri Semantan,
28000 Temerloh, Pahang.
Tel : 09-2962000, 2963712
Faks : 09-2965766

PERAK**Pejabat Pengarah Negeri Perak**

Tingkat 7, Wisma Hasil
No. 128, Jalan Tambun
Peti Surat 250
30906 Ipoh, Perak.
Tel : 05 - 5475522 samb. 100 (Talian
Am)
05 - 5475669 (Talian Terus)
Faks : 05 - 5465471

Direktori / Directory

pada / as at 1.1.2004

CAWANGAN / PUSAT PENYIASATAN & PERISIKAN / BRANCHES / INVESTIGATION & INTELLIGENCE CENTRES**Cawangan Ipoh**

Wisma Hasil
No.128, Jalan Tambun
Peti Surat 250, 30906 Ipoh, Perak
Tel : 05-5475522 (20 talian)
Faks : 05-5475668

Pusat Penyiasatan & Perisikan Ipoh

Tingkat 3, Wisma Hasil
No.128, Jalan Tambun
Peti Surat 250, 30906 Ipoh, Perak
Tel : 05-5475522 (15 talian)
Faks : 05-5475730

Cawangan Taiping

Lot 360 & 2051, Wisma Hasil
Jalan Kota, Peti Surat 91
34008 Taiping, Perak.
Tel : 05-8072685, 8072666, 8072828
Faks : 05-8086118

Pusat Penyiasatan & Perisikan Taiping

Lot 360 & 2051, Tingkat 4
Wisma Hasil
Jalan Kota, Peti Surat 91
34008 Taiping, Perak.
Tel : 05-8072666, 8072685
Faks : 05-8064304

Cawangan Teluk Intan

Block B & C
Kompleks Perniagaan SKOMK
Lot 956 & 957, Jalan Mahkamah
Peti Surat No. 82
36008 Teluk Intan, Perak.
Tel : 05-6221322, 6221323, 6221324,
Faks : 05-6213482

PERLIS**Cawangan Kangar**

Tingkat 3, Bangunan KWSP
Jalan Bukit Lagi
Peti Surat 47, 01700 Kangar, Perlis.
Tel : 04-9764811, 9764812, 9764816
Faks : 04-9765798

PULAU PINANG**Cawangan Pulau Pinang**

Tingkat 3-11
Bangunan Dewan Perniagaan Melayu
Lebuh Pantai, Peti Surat 660
10910 Pulau Pinang.
Tel : 04-2612255, 2612544, 2612422,
2612366, 2612744
Faks : 04-2628406

**Pusat Penyiasatan & Perisikan
Pulau Pinang**

Tingkat 11-12, Wisma MTT
26, Pengkalan Weld
10300 Pulau Pinang.
Tel : 04-2633244
Faks : 04-2620701

Cawangan Bukit Mertajam

Wisma Hasil
No. 20, Lorong Perda Selatan 2
Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
Tel : 04-6212020
Faks : 04-6211445

SABAH**Pejabat Pengarah Negeri Sabah**

Tingkat 3, Blok E
Bangunan KWSP
Jalan Karamunsing
88600 Kota Kinabalu, Sabah.
Talian Am : 088 - 238511 samb. 208
Talian Terus : 088 - 314223
Faks : 088 - 250223

Cawangan Kota Kinabalu

Tingkat 1, Blok E
Bangunan KWSP
Jalan Karamunsing
88600 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel : 088-238511, 238609
Faks : 088-245062

**Pusat Penyiasatan & Perisikan
Kota Kinabalu**

Tingkat 7, Blok B
Bangunan KWSP
Jalan Karamunsing
88600 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel : 088-237005, 237006
Faks : 088-268712

Cawangan Tawau

Wisma Hasil
66, Jalan In Mesra
Off Km. 2, Jalan Kuhara
Beg Berkunci No. 44
91009 Tawau, Sabah.
Tel : 089-777177, 777141, 777142,
772713
Faks : 089-776390

Cawangan Sandakan

Tingkat 3, Wisma Persekutuan
Km 11, Jalan Labuk
Peti Surat 1350
90714 Sandakan, Sabah.
Tel : 089-668554, 668555, 668375
Faks : 089-669616

Cawangan Labuan

Unit E.004 & E.005
Tingkat 1, Podium Level
Kompleks Ujana Kewangan
Jalan Merdeka, Peti Surat 80464
87014 Wilayah Persekutuan Labuan.
Tel : 087-415331, 415331
Faks : 087-415385

Cawangan Keningau

Blok H, Lot 68 - 72
Kompleks Perdagangan Adika
Jalan Masak, 89008 Keningau, Sabah.
Tel : 087-339441, 339442, 339452
Faks : 087-339451

SARAWAK**Pejabat Pengarah Negeri Sarawak**

Aras 17, Wisma Ting Pek Khiing
No.1, Jalan Padungan
93100 Kuching, Sarawak
Tel : 082 - 243211 samb. 282 (Talian
Am)
082 - 421511 (Talian Terus)
Faks : 082 - 244475

Cawangan Kuching

Aras 2-4, 6-8, 10-12A dan 15
Wisma Ting Pek Khiing
No.1, Jalan Padungan
93100 Kuching, Sarawak.
Tel : 082-243211
Faks : 082-244475

Pusat Penyiasatan & Perisikan Kuching

Tingkat 6
Bangunan Wisma Bukit Mata Kuching
Jalan Tuanku Abd. Rahman
93100 Kuching, Sarawak.
Tel : 082-253267, 259099
Faks : 082-233475

Cawangan Bintulu

Lot 3730-3733, Medan Jaya
Batu 3 1/2
Jalan Bintulu/Miri
97000 Bintulu, Sarawak.
Tel : 086-316601, 316604, 316602
Faks : 086-316608

Cawangan Miri

Wisma Hasil, Lot 2996
Jalan Adenium, Taman MDL
98000 Miri, Sarawak.
Tel : 085-434000
Faks : 085-413824

CAWANGAN / PUSAT PENYIASATAN & PERISIKAN / BRANCHES / INVESTIGATION & INTELLIGENCE CENTRES

Cawangan Sibul

Tingkat 2 & 3, Blok 1
Wisma Persekutuan
Jalan Awang Ramli Amit
96000 Sibul, Sarawak.
Tel : 084-320640
Faks : 084-319934

SELANGOR**Cawangan Shah Alam**

Tingkat 9-13, Plaza Perangsang
Persiaran Perbandaran
40000 Shah Alam, Selangor.
Tel : 03-55103202, 55103276,
55103324
Faks : 03-55102328

Pusat Penyiasatan & Perisikan Shah Alam

Tingkat 2, Plaza Perangsang
Persiaran Perbandaran
40000 Shah Alam, Selangor.
Tel : 03-55103202
Faks : 03-55121477

Cawangan Klang

Menara Acmar
Tingkat Bawah & Satu (Sayap B)
Tingkat 2-7, Jalan Gelugor
41400 Klang, Selangor.
Tel : 03-33449770
Faks : 03-33449541

Cawangan Petaling Jaya

Aras 1, 2, 7 & 8
Wisma Kelana Brem (Tower 1)
Jalan SS 7/15 (Jalan Stadium)
47301 Kelana Jaya, Selangor.
Tel : 03-78827500
Faks : 03-78039767, 78043627

TERENGGANU**Cawangan Kuala Terengganu**

Tingkat 1 - 8, Wisma PERMINT
Jalan Sultan Ismail, Peti Surat 65
20916 Kuala Terengganu, Terengganu.
Tel : 09-6203220, 6203221, 6203225
Faks : 09-6227829

Pusat Penyiasatan & Perisikan Kuala Terengganu

Tingkat 6, Wisma PERMINT
Jalan Sultan Ismail
Peti Surat 65
20916 Kuala Terengganu, Terengganu.
Tel : 09-6203666
Faks : 09-6241770

WILAYAH PERSEKUTUAN**Pejabat Pengarah****Wilayah Persekutuan**

Tingkat 15 Kiri, Blok 8A
Kompleks Bangunan Kerajaan
Jalan Duta,
50600 Kuala Lumpur.
Tel : 03 62091000 samb. 3276 (Talian
Am)
03-62019079 (Talian Terus)
Faks : 03 - 62012024

Cawangan Syarikat

Tingkat 3-10, Blok 11
Kompleks Bangunan Kerajaan
Jalan Duta,
Karung Berkunci 11035
50990 Kuala Lumpur.
Tel : 03- 62018622, 62010135
62015504, 62013134, 62013914
Faks : 03-62014409, 62018622

Cawangan Wangsa Maju

Tingkat Bawah, M & 6 - 10
Menara Kausar
Jalan 3/27 A, Seksyen 1
Bandar Baru Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur.
Tel : 03-41426022
Faks : 03-41427022

Cawangan Kampung Attap

Tingkat UG, 8, 9, 11 20 & 21
Wisma KWSSG
Jalan Kampung Attap
50460 Kuala Lumpur.
Tel : 03-22633600
Faks : 03-22723226, 22736675

Cawangan Jalan Duta

(Penaksiran Wilayah Persekutuan)
Tingkat 1, 3-8, Blok 8A
Kompleks Bangunan Kerajaan
Jalan Duta, 50600 Kuala Lumpur.
Tel : 03-62091000
Faks : 03-62013823, 62016166,
62018061

Cawangan Tidak Bermastautin

Tingkat 10 & 11, Blok 11
Kompleks Bangunan Kerajaan
Jalan Duta, 50600 Kuala Lumpur.
Tel : 03-62091000, 62091481
Faks : 03-62019745

Cawangan Cheras

Tingkat 8 - 12, Menara PGRM
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras
56100 Kuala Lumpur.
Tel : 03-92848022
Faks : 03-92875466, 92849022

Cawangan Pungutan

Tingkat 15, Blok 8A
Kompleks Bangunan Kerajaan
Jalan Duta, Beg Berkunci 11061
50990 Kuala Lumpur.
Tel : 03-62091000
Faks : 03-62015495, 62012024,
62015499

Pusat Penyiasatan & Perisikan Kuala Lumpur

Tingkat 14-15, Blok 11
Kompleks Bangunan Kerajaan
Peti Surat 11833
50758 Kuala Lumpur.
Tel : 03-62092300, 62092500
Faks : 03-62011924